



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PULAU PINANG
SIRI 1**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI PULAU PINANG
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
3	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA
19	Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin
	JABATAN KEWANGAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
26	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	PBA HOLDINGS BERHAD
38	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
	BAHAGIAN II PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
71	Pendahuluan
71	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
73	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
74	Objektif Pengauditan
75	Skop Dan Metodologi Pengauditan
75	Kawalan Utama
86	Penemuan Audit
91	Pemeriksaan Audit Mengejut
94	Syor Audit
97	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 8 Jabatan/Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 10 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 13 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SERI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

21 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. BAHAGIAN PERUMAHAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan

1.1. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 di bawah Dasar Sektor 8 (DS8) menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan memperuntukkan dan mengekalkan minimum 30% kuota Bumiputera dalam sektor perumahan dan premis perniagaan. Mengikut dasar Kerajaan Negeri sedia ada, pembeli Bumiputera akan diberikan diskaun sebanyak 5% daripada harga jualan rumah bagi rumah kos tinggi. Berdasarkan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, takrif Bumiputera ialah warganegara Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu, anak negeri dan orang asli.

1.2. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan kepada kehendak di atas, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan syarat dan peraturan penetapan kuota Bumiputera dalam pelan cadangan plot Bumiputera yang dikemukakan oleh pemaju bagi projek perumahan kos tinggi semasa permohonan pecah sempadan.

1.3. Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Ogos hingga November 2015 mendapati walaupun Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota Bumiputera 30% bagi setiap projek perumahan yang dibina tetapi dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemilikan hartanah oleh Bumiputera tidak mencapai 30%.
- Pengiraan bayaran sumbangan pelepasan tidak tepat, belum dijelaskan dan mengambil masa.
- Status pembeli unit Bumiputera yang tidak disahkan.
- Unit Bumiputera dijual kepada bukan Bumiputera sebelum kelulusan pelepasan.
- Sijil Kelayakan Menduduki (OC) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan tanpa surat sokongan.
- Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang tidak dibelanjakan.

1.4. Bagi memastikan pengurusan kuota Bumiputera dapat dipertingkatkan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

1.4.1. Bahagian Perumahan SUK perlu mewujudkan dan memantapkan lagi *Standard Operating Procedures* merangkumi kawalan dalaman di peringkat proses permohonan, pengiraan bayaran sumbangan pelepasan dan penetapan tempoh bayaran pelepasan yang perlu dijelaskan oleh pemaju.

1.4.2. Mewujudkan peraturan dan mengambil tindakan terhadap pemaju yang tidak mematuhi syarat jualan dan pelepasan kuota Bumiputera.

1.4.3. Memastikan Pelan Pecah Sempadan yang menunjukkan kedudukan unit Bumiputera disertakan semasa permohonan pelepasan dibuat bagi memastikan unit Bumiputera yang diisytiharkan oleh pemaju adalah sama dengan unit Bumiputera yang telah disahkan oleh PBT dan diluluskan oleh PTG bagi mengelakkan kesilapan pengiraan sumbangan pelepasan.

1.4.4. Meningkatkan aspek pemantauan dan koordinasi dengan pihak-pihak terbabit seperti PBT dan PTG bagi memastikan pembeli Bumiputera mendapatkan haknya dan kuota Bumiputera tidak disalahgunakan oleh pemaju sebelum kelulusan.

2. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA

- Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin

2.1. Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang sempurna dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti kemudahan air, elektrik dan tandas. Objektif program ini adalah untuk menyediakan rumah yang selesa dan membantu meningkatkan kualiti hidup golongan miskin sebagai asas pembentukan sesebuah keluarga. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menguruskan dan membiayai program ini. Peruntukan bagi Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin disalurkan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN) dan seterusnya ke pejabat-pejabat daerah sebagai agensi pelaksana.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin adalah memuaskan dari segi prestasi perbelanjaan dan pemilihan kontraktor. Pemilihan kontraktor menggunakan sistem, Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (*sysP*) bagi tawaran sebut harga pembinaan rumah baru dan secara undian untuk kerja-kerja membaiki rumah. Pejabat Daerah juga bertindak sebagai pejabat pelaksana projek. Selain itu, kerja-kerja yang telah dilaksanakan

oleh kontraktor bagi pembinaan dan pembaikan rumah serta pemantauan projek oleh UPEN dan Pejabat Daerah juga adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Garis panduan pembinaan rumah baru belum dimuktamadkan.
- Penerima bantuan tidak tergolong dalam kategori miskin.

2.3. Bagi memastikan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin dilaksanakan dengan berkesan, UPEN dan Pejabat Daerah disyorkan supaya mengekalkan prestasi program ini bagi membolehkan lebih ramai golongan miskin mendapat manfaat daripadanya.

**3. JABATAN KEWANGAN NEGERI
JABATAN KERJA RAYA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
- Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri**

3.1. Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri dan ia disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang diuruskan oleh Pegawai Kewangan Negeri (PKN) sebagai Pegawai Pengawal. Jumlah pemberian adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) pada sesuatu tahun.

3.2. Berdasarkan rekod MARRIS, jumlah panjang jalan negeri di Pulau Pinang yang telah didaftarkan sehingga akhir tahun 2015 adalah 4,209.80 km yang meliputi 1,639.25 km disenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), 1,382.17 km disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 155.02 km disenggara oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan 1,033.36 km disenggara oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Bagi tempoh tahun 2013 hingga Disember 2015 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM280.67 juta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM250.15 juta telah dibelanjakan/diagihkan kepada agensi pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan di Pulau Pinang.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan penyenggaraan jalan negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan.
- Rekod MARRIS tidak dikemas kini.
- Perjanjian kontrak lewat ditandatangani.
- Laporan siasatan aduan lewat disediakan.

3.4. Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan jalan negeri di Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pengguna jalan raya mendapat perkhidmatan serta infrastruktur jalan yang terbaik, selesa dan selamat adalah disyorkan agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

3.4.1. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3.4.2. Mengemas kini rekod dan data MARRIS bagi memperoleh geran penyenggaraan jalan negeri mengikut jumlah yang sepatutnya dan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3.4.3. Menyelenggara Daftar Aduan Awam dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan laporan siasatan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi membolehkan maklum balas dikemukakan dan aduan awam dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PBA HOLDINGS BERHAD

- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

4.1. Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang telah diperbadankan pada tahun 1999 dan dikenali sebagai Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP). Pada tahun 2011, PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk PBAPP bertukar status kepada Perkhidmatan Air Negara melalui inisiatif penstrukturan semula. PBAPP memegang lesen individu perkhidmatan dan kemudahan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). PBAPP adalah pengendali tunggal bekalan air ke seluruh negeri Pulau Pinang. PBAPP merupakan syarikat milik penuh PBA Holdings Bhd. (PBAHB) iaitu sebuah syarikat yang telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia dalam tahun 2002 . Kerajaan Negeri Pulau Pinang memegang 65.0% saham dalam PBAHB. Modal dibenarkan bagi PBAPP adalah berjumlah RM300,000,001 manakala modal berbayar pula terdiri daripada saham biasa berjumlah RM165,114,082 dan RM1 'Special Rights Redeemable Preference Share' (SRRPS) yang dipegang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. SRRPS membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan keputusan penting yang melibatkan operasi Syarikat adalah konsisten dengan polisi Kerajaan Negeri. PBAPP dianggotai oleh 10 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang. Visi PBAPP adalah memenuhi semua keperluan air pengguna manakala misi pula adalah menjadi sebuah organisasi terkemuka dalam perkhidmatan bekalan air. Aktiviti utama PBAPP adalah menjalankan perniagaan pembekalan air merangkumi merawat air mentah, membekal dan menjual air terawat kepada pengguna. PBAPP telah memperoleh 2 pinjaman berjangka tanpa cagaran dan faedah daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM44 juta bagi membiayai program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW).

4.2. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi kewangan PBAPP adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Selain pencapaian kadar air tidak berhasil (NRW) dan kadar rizab kapasiti pengeluaran air yang baik, pengurusan aktiviti dalam beberapa aspek yang lain mempunyai kelemahan-kelemahan berikut:

- Parameter florida tidak mematuhi kadar piawaian yang ditetapkan dalam *National Standard For Drinking Water Quality*.
- Pemasangan meter bekalan air bagi akaun baru lewat dibuat iaitu melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Jumlah tunggakan bil bekalan air meningkat manakala tindakan mendapatkan balik tunggakan kurang memuaskan.
- Bacaan anggaran bil bekalan air dibuat melebihi 3 kitaran berturut-turut.
- Aduan lewat diselesaikan melebihi tempoh *Service Level Agreement* yang ditetapkan. Manakala berlaku kelewatan mengemas kini status pelaksanaan kerja dalam Sistem *Service Alliance* setelah kerja selesai dilaksanakan.
- Pengurusan penyenggaraan aset bekalan air kurang memuaskan, proses pencucian *scum* di loji rawatan air (LRA) tidak dilaksanakan mengikut jadual dan pembaikan peralatan yang rosak mengambil masa yang lama. Selain itu, *Magnetic Flow Meter* yang dibeli dengan harga RM0.38 juta pada bulan Januari 2013 masih belum dipasang.
- *Remote Terminal Unit* (RTU) masih belum dapat diintegrasikan sepenuhnya dalam sistem rangkaian *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA).
- Pengurusan bayaran tidak mematuhi *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ditetapkan.
- Pengurusan Aset yang tidak memuaskan antaranya aset tidak di label serta kelewatan melupuskan aset dan inventori setelah hapus kira diluluskan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dapat dipertingkatkan adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

4.3.1. Memastikan pemasangan meter bagi akaun baru dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.

4.3.2. Mengambil tindakan undang-undang ke atas pengguna yang mempunyai tunggakan yang tinggi dan lama.

4.3.3. Memastikan semua *Remote Terminal Unit* (RTU) dalam *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) diintegrasikan sepenuhnya bagi membolehkan pemantauan secara atas talian dilaksanakan secara berkesan.

4.3.4. Mempertingkatkan kawalan terhadap pengurusan bayaran dan kawalan ke atas pengurusan aset Syarikat terutama daripada aspek pelabelan dan pelupusan.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti di 10 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 menunjukkan ada peningkatan. Pada tahun 2015, 8 atau 80.0% Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap cemerlang berbanding 4 atau 66.7% Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014. Manakala satu atau 10.0% Jabatan berada pada tahap baik pada tahun 2015, berbanding 2 atau 33.3% Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan cemerlang. Selain itu, terdapat 1 Agensi Negeri yang memperoleh tahap tidak memuaskan pada tahun 2015.



BAHAGIAN I
AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PENGURUSAN KUOTA BUMIPUTERA BAGI PROJEK PERUMAHAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 di bawah Dasar Sektor 8 (DS8) menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan memperuntukkan dan mengekalkan minimum 30% kuota Bumiputera dalam sektor perumahan dan premis perniagaan. Mengikut dasar Kerajaan Negeri sedia ada, pembeli Bumiputera akan diberikan diskaun sebanyak 5% daripada harga jualan rumah bagi rumah kos tinggi. Berdasarkan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, takrif Bumiputera ialah warganegara Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu, anak negeri dan orang asli.

1.1.2. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan kepada kehendak di atas, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan syarat dan peraturan penetapan kuota Bumiputera dalam pelan cadangan plot Bumiputera yang dikemukakan oleh pemaju bagi projek perumahan kos tinggi semasa permohonan pecah sempadan. Penandaan plot-plot Bumiputera di atas pelan dibuat berdasarkan panduan berikut:

- penumpuan lebih diberikan kepada lokasi-lokasi tertentu seperti menghadap tapak surau, kawasan strategik seperti berhadapan jalan utama, kawasan lapang dan kawasan perniagaan.
- pembahagian lot melibatkan unit-unit yang terletak di *end lot* dan *corner lot*.
- berjauhan dari rumah-rumah ibadat bukan Islam (RIBI).
- tidak terpisah daripada plot Bumiputera yang lain.
- lebih daripada satu kejiranan.

1.1.3. Bagi projek perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik, pembahagian kuota Bumiputera diuruskan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bahagian Perumahan). Selain itu, Bahagian Perumahan juga bertanggungjawab sebagai urus setia menguruskan pelepasan unit kuota Bumiputera di mana Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera (Jawatankuasa) yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan memutuskan permohonan pelepasan unit Bumiputera daripada pemaju.

1.1.4. Semua pemaju perumahan bagi kos sederhana dan kos tinggi perlu memohon pelepasan dari Jawatankuasa bagi mendapatkan surat sokongan Sijil Kelayakan Menduduki atau *Occupied Certificate* (OC) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC). Sekiranya kuota Bumiputera diluluskan untuk

dilepaskan, pemaju dikehendaki membayar sumbangan pelepasan kepada Kerajaan Negeri. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2008 pada 16 Mei 2008 telah bersetuju bahawa jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh pemaju adalah sebanyak 5% daripada harga jualan dan diberi potongan harga 70%. Manakala bagi permohonan pelepasan unit Bumiputera yang dijual kepada bukan Bumiputera sebelum kelulusan, pemaju akan dikenakan bayaran sumbangan 5% daripada harga jualan rumah tanpa potongan harga. Bayaran sumbangan pelepasan ini akan diakaunkan dalam Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi penetapan dan agihan perumahan unit Bumiputera, permohonan pelepasan unit Bumiputera, mekanisme pemantauan serta pengurusan Akaun Amanah Perumahan Bumiputera bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan dijalankan di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pengesahan maklumat juga dibuat dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang dan Jabatan Perangkaan Malaysia serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Kaedah pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke tapak projek telah dilakukan untuk mendapatkan pengesahan. *Exit Conference* bersama Ketua Bahagian serta pegawai-pegawai Perumahan telah diadakan pada 15 Mac 2016.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Ogos hingga November 2015 mendapati walaupun Kerajaan Negeri ada menetapkan kuota Bumiputera 30% bagi setiap projek perumahan yang dibina tetapi dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemilikan hartanah oleh Bumiputera tidak mencapai 30%.
- Pengiraan bayaran sumbangan pelepasan tidak tepat, belum dijelaskan dan mengambil masa.
- Status pembeli unit Bumiputera yang tidak disahkan.
- Unit Bumiputera dijual kepada bukan Bumiputera sebelum kelulusan pelepasan.
- Sijil Kelayakan Menduduki (OC) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan tanpa surat sokongan.

- Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang tidak dibelanjakan.

1.4.1. Pemilikan Hartanah Oleh Bumiputera Tidak Mencapai 30%

1.4.1.1. Bagi melihat kedudukan pencapaian 30% kuota Bumiputera, pihak Audit telah memilih sebanyak 86 fail permohonan pelepasan kuota Bumiputera untuk tempoh 2013 hingga November 2015 melibatkan pembinaan sebanyak 8,974 unit rumah pelbagai jenis seperti rumah teres, berkembar, banglo dan kondominium. Semakan Audit mengikut daerah mendapati pemilikan hartanah oleh Bumiputera tidak mencapai kuota yang ditetapkan (30%) kerana hanya 10.8% daripada unit yang dibina dimiliki oleh Bumiputera seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Pemilikan Hartanah Oleh Bumiputera Dan Pelepasan Kuota Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Bil. Unit Rumah Dibina	Bil. Unit Kuota Bumiputera	Dibeli Oleh Bumiputera		Pelepasan		Bilangan Unit Belum Dilepaskan
				Unit	(%)	Unit	(%)	
1.	Timur Laut	2,215	666	280	12.6	386	58.0	0
2.	Barat Daya	2,752	825	271	9.8	554	67.2	0
3.	Seberang Perai Utara	1,548	524	171	11.0	296	56.5	57
4.	Seberang Perai Tengah	1,879	562	143	7.6	419	74.6	0
5.	Seberang Perai Selatan	580	187	101	17.4	86	46.0	0
Jumlah		8,974	2,764	966	10.8	1,741	63.0	57

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.1.2. Berdasarkan **Jadual 1.1** di atas, didapati pelepasan unit Bumiputera yang diluluskan adalah tinggi iaitu sebanyak 1,741 unit atau 63.0% daripada keseluruhan 2,764 unit yang diperuntukkan berbanding pemilikan oleh Bumiputera sebanyak 966 unit. Sebanyak 57 unit kuota Bumiputera yang dalam proses kelulusan pelepasan oleh Jawatankuasa kerana kemajuan projek berkenaan belum mencapai 80% dan Jawatankuasa akan mempertimbangkan semula pelepasan apabila syarat tersebut dipenuhi.

1.4.1.3. Analisis Audit juga dibuat mengikut jenis dan harga rumah dan didapati rumah jenis kondominium/pangsapuri merupakan pelepasan yang paling banyak iaitu sebanyak 965 unit atau 55.4% daripada 1,741 unit manakala harga rumah yang paling banyak dilepaskan ialah yang berharga antara RM250,000 hingga RM500,000 iaitu sebanyak 890 unit atau 51.1%. Butirannya seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Bilangan Unit Bumiputera Yang Dilepaskan Mengikut Jenis Dan Harga Rumah

Bil.	Jenis Rumah	Bilangan Unit Dilepaskan Dan Harga Rumah (RM Juta)				Jumlah Unit
		<0.25 – 0.50	>0.50 – 1.0	>1.0 – 2.0	> 2.0	
1.	Kondominium/Pangsapuri	677	154	88	46	965
2.	Banglo	0	3	2	1	6
3.	Berkembar	24	144	33	24	225
4.	Teres	189	286	52	0	527
5.	Rumah Bandar	0	11	7	0	18
Jumlah		890	598	182	71	1,741

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.1.4. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014, purata pendapatan isi rumah kasar bulanan bagi Bumiputera di Malaysia adalah sejumlah RM5,548 berbanding pendapatan nasional sejumlah RM6,141. Data ini menunjukkan kemampuan pemilikan hartanah oleh Bumiputera adalah rendah.

1.4.1.5. **Maklum balas Bahagian Perumahan bertariikh 15 Mac 2016, prestasi pemilikan hartanah oleh Bumiputera adalah rendah disebabkan kemampuan memiliki rumah adalah rendah dan peratusan pelepasan unit kuota yang tinggi. Walau bagaimanapun, Bahagian Perumahan sentiasa berusaha memastikan proses pelepasan kuota dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, tujuan pewujudan Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera adalah untuk menguruskan permohonan pelepasan yang dibuat oleh pemaju dan ini menunjukkan sasaran kuota 30% tidak akan tercapai disebabkan adanya pelepasan kuota Bumiputera.**

Pada pendapat Audit, dasar penetapan kuota 30% untuk Bumiputera adalah baik kerana setiap projek perumahan telah diperuntukkan kuota Bumiputera. Bagaimanapun prestasi pemilikan hartanah oleh Bumiputera masih rendah.

1.4.2. Bayaran Sumbangan Pelepasan Kuota Bumiputera

1.4.2.1. Kelulusan pelepasan kuota Bumiputera akan diberikan kepada pemaju bagi projek perumahan yang telah mencapai status pembinaan 80% siap dan 3 kali pengiklanan di surat khabar dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh iklan pertama. Bahagian Perumahan akan mengiklankan rumah-rumah unit Bumiputera bagi pihak pemaju dalam akhbar Buletin Mutiara sebelum permohonan pelepasan diangkat ke mesyuarat Jawatankuasa untuk keputusan. Pemaju dikehendaki membayar sejumlah sumbangan pelepasan kuota Bumiputera bagi permohonan pelepasan yang diluluskan oleh Jawatankuasa mengikut kadar yang ditetapkan. Bilangan permohonan dan jumlah sumbangan pelepasan kuota Bumiputera bagi tempoh tahun 2013 hingga November 2015 adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Bilangan Permohonan Dan Jumlah Sumbangan Pelepasan Kuota Bumiputera
Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bilangan				Jumlah Sumbangan (RM Juta)
	Permohonan	Lulus	Tolak	Dalam Proses	
2013	43	43	0	0	10.72
2014	49	47	0	2	12.51
Nov. 2015	34	32	0	2	9.40
Jumlah	126	122	0	4	32.63

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.2.2. Kertas MMK Bil. 30/95 bertarikh 27 September 1995 bersetuju Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah apabila meluluskan pelan kebenaran merancang dan permohonan pecah sempadan hendaklah memastikan supaya kuota unit 30% yang diperuntukkan bagi kaum Bumiputera di tanda atas pelan yang diluluskan. Kedudukan plot-plot Bumiputera yang dikemukakan oleh pemaju semasa permohonan pelepasan hendaklah mengikut pelan pecah sempadan yang telah diperakukan PBT dan disahkan oleh PTG.

1.4.2.3. Semakan Audit terhadap pelan pecahan sempadan/cantuman/penyerahan dan beri milik semula dan borang permohonan pelepasan mendapati sebanyak 12 pemaju tidak mengikut plot Bumiputera yang diperakukan berdasarkan pelan semasa permohonan pelepasan dibuat dan tiada bukti serta makluman berkenaan pertukaran plot kuota Bumiputera dibuat oleh pemaju kepada PBT, Bahagian Perumahan dan PTG. Perbezaan unit Bumiputera yang di plot di pelan dan senarai pemaju adalah seperti di **Jadual 1.4.**

Jadual 1.4
Perbezaan Unit Bumiputera Yang Di Plot Di Pelan Dan Senarai Pemaju

Bil.	Nama Projek	Catatan
1.	Jade Garden	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 3 dan Lot 4, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 5 dan Lot 6.
2.	Palm Residences II	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 1 dan Lot 11, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 12. Beza sebanyak 1 unit lot Bumiputera tidak diisytiharkan oleh pemaju.
3.	The Garden	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 6, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 9.
4.	Novus Park	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 4, Lot 5, Lot 8 dan Lot 9, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 1, Lot 3, Lot 16 dan Lot 18.
5.	Minden Residence 2	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 5, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 8.
6.	Taman Ghee Hiang	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 3, Lot 9, Lot 16, Lot 17 dan Lot 21, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 4, Lot 6, Lot 19, Lot 22 dan Lot 26.
7.	N/A(as no project name or approval by MBPP on the name)	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 7, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 8.

Bil.	Nama Projek	Catatan
8.	Harmoni Genting	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 1, Lot 5, Lot 9 dan Lot 14, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 3, Lot 4, Lot 7 dan Lot 12.
9.	Taman Bayu Aman	Sebanyak 14 lot Bumiputera yang disenaraikan oleh pemaju tidak mengikut lot Bumiputera yang ditandakan dalam pelan PBT.
10.	Bandar Callisia 2	Sebanyak 28 plot Bumiputera yang disenaraikan oleh pemaju tidak mengikut 36 plot Bumiputera yang di tanda dalam pelan PBT. Beza sebanyak 8 unit lot Bumiputera tidak diisytiharkan oleh pemaju.
11.	Taman Jasa Intan (Fasa 2)	Sebanyak 44 lot Bumiputera yang disenaraikan oleh pemaju tidak mengikut 38 lot Bumiputera yang ditandakan dalam pelan PBT. Beza 6 lot Bumiputera yang disenaraikan oleh pemaju merupakan lot yang terlebih isytihar.
12.	Taman Gamelan Ria	Di pelan PBT lot Bumiputera yang diplot ialah Lot 126,127, 128 dan 132, manakala lot Bumiputera yang disenaraikan pemaju ialah Lot 119. Beza sebanyak 3 unit lot Bumiputera tidak diisytiharkan oleh pemaju.

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.2.4. Semakan lanjut mendapati sebanyak 4 pemaju mengisytiharkan bilangan unit Bumiputera tidak mengikut bilangan yang diperuntukkan dalam pelan pecahan sempadan/cantuman/penyerahan dan beri milik semula semasa permohonan pelepasan dibuat. Butirannya seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Senarai Pemaju Yang Mengisytiharkan Bilangan Unit Bumiputera Tidak Mengikut Pelan Semasa Permohonan Pelepasan

Bil.	Nama Projek	Perkiraan Audit Jumlah Terlebih/ (Terkurang) Caj (RM)	Catatan
1.	Taman Gamelan Ria	(21,440)	Di pelan 14 unit. Di borang pelepasan 11 unit. Pemaju kurang isytihar 3 unit kuota Bumiputera yang belum dibeli.
2.	Palm Residences II	(140,000)	Di pelan 2 unit banglo. Di borang pelepasan 1 unit. Pemaju kurang isytihar 1 unit kuota Bumiputera yang dijual kepada bukan Bumiputera berharga RM2.8 juta.
3.	Taman Jasa Intan (Fasa 2)	54,800	Di pelan 58 unit. Di borang pelepasan 64 unit. Pemaju terlebih isytihar 6 unit kuota Bumiputera.
4.	Bandar Callisia 2	(37,656)	Di pelan 36 unit. Di borang pelepasan 28 unit. Pemaju kurang isytihar 8 unit kuota Bumiputera.
Jumlah		(144,296)	

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.2.5. Ini menyebabkan kurangnya unit kuota Bumiputera yang diperuntukkan dan mengurangkan bayaran sumbangan pelepasan kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM144,296.

1.4.2.6. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 9 pemaju telah menetapkan harga yang sama atau setara bagi semua jenis rumah yang berbeza keluasannya seperti di **Jadual 1.6.**

Jadual 1.6
Harga Jualan Rumah Sama Tetapi Keluasan Rumah Berbeza

Bil.	Nama Projek	Catatan
1.	Hillpark Residensi	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi unit <i>corner lot</i> (Lot 10, Lot 25, Lot 26 dan Lot 40) dan unit <i>end lot</i> (Lot 17 dan Lot 18) adalah sama dengan harga <i>intermediate lot</i> iaitu RM528,000.
2.	Taman Gamelan Ria	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 133 (134 m ²) dan Lot 134 (136 m ²) adalah sama dengan harga <i>intermediate lot</i> yang berkeluasan 121m ² iaitu RM268,000.
3.	Taman Perdana	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi <i>corner</i> Lot 1 (186 m ²) adalah sama dengan harga <i>intermediate lot</i> yang berkeluasan 143m ² iaitu RM525,000.
4.	Taman Bertam Flora	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 11 (299m ²) adalah lebih rendah iaitu RM431,300 daripada harga unit Lot 12 & 13 yang masing-masing berkeluasan 293m ² (RM432,400) dan 292m ² (RM431,800).
5.	Taman Bakap Indah (Fasa 4E)	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 129 (340m ²) adalah lebih rendah daripada harga unit Lot 132 yang berkeluasan 320m ² (RM550,926).
6.	Taman Seri Permai	Harga bagi Lot 27 hingga Lot 32 yang berkeluasan 143m ² di mana keluasan hanya lebih 1m ² sahaja adalah RM440,000 seunit. Beza harga bagi <i>intermediate</i> Lot 14 (142m ²) yang berharga RM427,000 dengan lot-lot tersebut adalah sebanyak RM13,000 sedangkan berdasarkan anggaran pengiraan di antara lot-lot lain, harga 1m ² adalah RM1,000 sahaja.
7.	The Garden, Balik Pulau	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 7 (RM938,000) dan Lot 9 (RM892,200) adalah berbeza walaupun reka bentuk dan keluasan bagi 2 unit tersebut adalah sama (224m ²). Manakala harga bagi Lot 8 (RM933,700) melebihi sebanyak RM41,500 dari Lot 9 walaupun keluasan Lot 8 (220m ²) lebih kecil dari Lot 9.
8.	Novus Park	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 3 (146 m ²), Lot 6 (133 m ²), Lot 7 (132 m ²) dan Lot 16 (127 m ²) adalah sama iaitu RM628,000 walaupun keluasan bagi 4 lot tersebut berbeza dan reka bentuk adalah sama.
9.	Minden Residence 2	Harga jualan yang diambil kira untuk bayaran sumbangan pelepasan bagi Lot 8 (RM2,120,000) adalah lebih tinggi berbanding dengan Lot 2 (RM2,110,000) dan Lot 3 (RM2,109,800) walaupun keluasan Lot 8 adalah lebih kecil (303.3 m ²) dari Lot 2 (448.5 m ²) dan Lot 3 (332.9 m ²). Reka bentuk bagi ketiga-tiga lot tersebut adalah sama.

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.2.7. Perkara ini berlaku disebabkan pelan pecahan sempadan/cantuman/penyerahan dan beri milik semula yang menunjukkan plot-plot dan keluasan rumah yang diluluskan oleh PTG tidak disemak oleh Bahagian Perumahan kerana tidak dimasukkan sebagai syarat dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa permohonan pelepasan dibuat oleh pemaju. Pengiraan bilangan unit dan harga rumah yang dibuat hanyalah berdasarkan maklumat dan data yang dikemukakan oleh pemaju.

Ini menyebabkan Bahagian Perumahan tidak dapat menetapkan kiraan bayaran sumbangan dengan bayaran yang sepatutnya.

1.4.2.8. Semakan Audit terhadap bayaran sumbangan pelepasan juga mendapati sebanyak 8 pemaju melibatkan 9 projek yang telah diluluskan pelepasan kuota Bumiputera belum menjelaskan bayaran sumbangan pelepasan berjumlah RM915,114. Susulan itu, lawatan Audit telah dibuat pada 24 dan 25 November 2015 ke lokasi projek-projek tersebut dan mendapati sebanyak 7 daripada 9 buah premis projek telah diduduki. Projek-projek yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.7**.

Jadual 1.7
Senarai Pemaju Yang Belum Menjelaskan Bayaran Sumbangan Pelepasan

Bil.	Nama Projek	Tarikh Kelulusan	Bayaran Sumbangan (RM)	Catatan
1.	Goodfields Residence	21.4.15	251,865	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.1 .
2.	Meridien Residence	23.12.13	171,447	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.2 .
3.	Taman Limbungan Indah	4.2.13	145,520	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.3 .
4.	Minden Residence 2	9.7.15	95,097	Premis belum diduduki.
5.	Taman Seri Permai	25.7.14	84,630	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.4 .
6.	Taman Permai Jaya	4.2.13	48,825	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.5 .
7.	Taman Sungai Jawi	9.7.15	44,050	Premis belum diduduki.
8.	Novus Park	5.3.15	37,680	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.6 .
9.	The Platinum	9.7.15	36,000	Premis telah diduduki seperti di Gambar 1.7 .
Jumlah			915,114	

Sumber: Bahagian Perumahan

Gambar 1.1
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Goodfields Residence, Lot 99, 100
 Dan 15498, Mukim 14,
 Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 25 November 2015

Gambar 1.2
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Meridien Residence, Lot 921, 922, Dan
 923, Mukim 11, Barat Daya
 Tarikh: 24 November 2015

Gambar 1.3
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Limbungan Indah, Lot 1602,
 3680 (Sebahagian) Dan 1605,
 Seksyen 4, Seberang Perai Utara
 Tarikh: 25 November 2015

Gambar 1.4
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Seri Permai, Lot 17710 – 17739,
 Mukim 14, Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 25 November 2015

Gambar 1.5
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Permai Jaya, Lot 19371,
 Mukim 14, Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 25 November 2015

Gambar 1.6
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Novus Park, Lot 293 Dan 297, Mukim E,
 Barat Daya
 Tarikh: 24 November 2015



Gambar 1.7
Wang Sumbangan Pelepasan Belum
Dijelaskan Tetapi Premis Telah Diduduki

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: The Platinum, Lot 3688-3693,
 Seksyen 4, Seberang Perai Utara
 Tarikh: 25 November 2015

1.4.2.9. Semakan seterusnya mendapati sebanyak 20 pemaju yang telah diluluskan pelepasan kuota Bumiputera, mengambil masa antara 32 hingga 329 hari untuk menjelaskan bayaran sumbangan pelepasan berjumlah RM7 juta seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Tempoh Masa Diambil Oleh Pemaju Bagi
Menjelaskan Bayaran Sumbangan Pelepasan

Tempoh Masa (Hari)	Bil. Pemaju	Jumlah (RM Juta)
32 - 100	14	5.40
101 - 200	5	1.41
201 - 300	0	0.00
> 301	1	0.19
Jumlah	20	7.00

Sumber: Bahagian Perumahan

1.4.2.10. Hal ini berlaku kerana Bahagian Perumahan tidak menetapkan tempoh masa bayaran pelepasan perlu dijelaskan oleh pemaju selepas kelulusan diberikan. Selain itu, terdapat kes surat peringatan tidak dikeluarkan kepada pemaju berkenaan dan bagi kes-

kes yang dikeluarkan surat peringatan, tindakan susulan tidak diambil bagi memastikan bayaran pelepasan dijelaskan oleh pemaju. Manakala tiada apa-apa tindakan dikenakan kepada pemaju sekiranya pembayaran sumbangan tidak dibuat kecuali surat sokongan OC/CCC tidak dikeluarkan kepada pemaju. Ini menyebabkan Bahagian Perumahan lewat mendapat bayaran sumbangan sejumlah RM915,114.

1.4.2.11. Maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 15 Mac 2016:

- a. **Borang permohonan pelepasan yang diguna pakai tidak menyatakan harga jualan rumah sama ada sebelum atau selepas 5% dengan terperinci. Bahagian Perumahan juga memaklumkan harga rumah bergantung kepada kedudukan bilangan tingkat rumah bagi perumahan berstrata. Prosedur sekarang hanya mensyaratkan pemaju mengemukakan maklumat mengenai harga rumah, bilangan unit, nama pembeli, pelan bangunan dan Kebenaran Merancang serta hanya menerima harga yang diisytiharkan oleh pemaju. Prosedur sedia ada tidak mensyaratkan pelan pecah sempadan dan saiz rumah dikemukakan semasa permohonan sebagai dokumen sokongan. Bagaimanapun, Bahagian Perumahan akan mendapatkan pandangan dan arahan dari Jabatan Kewangan Negeri berhubung tindakan susulan yang perlu diambil.**
- b. **Setakat ini mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera tidak menetapkan tempoh masa bayaran pelepasan kerana berpandangan bahawa pemaju perlu menyegerakan bayaran tersebut bagi membolehkan pihaknya memperoleh OC/CCC. Ianya disokong oleh kenyataan PBT di mana pihak arkitek yang dilantik oleh pemaju perlu memastikan bahawa setiap pemajuan yang dibina perlu mendapat surat daripada Bahagian Perumahan yang menyokong untuk memperoleh Sijil Layak Menduduki setelah bayaran selesai dilakukan. Surat sokongan tersebut dianggap sebagai kaveat kepada pemaju. Penyelarasan dengan pihak PBT untuk mendapatkan penjelasan daripada arkitek yang mengeluarkan OC/CCC tanpa surat sokongan daripada Bahagian Perumahan. Semua kes yang belum dijelaskan bayaran akan disusul dengan pemaju berkenaan dan format surat kelulusan yang dikeluarkan kepada pemaju juga akan dipinda.**

Pada pendapat Audit, pengurusan dan pengiraan bayaran sumbangan pelepasan perlu dibuat dengan teliti dan ditingkatkan bagi menjamin sumber kewangan bagi pembinaan perumahan Bumiputera pada masa hadapan.

1.4.3. Kelemahan Mekanisme Pemantauan

Kertas MMK Bil 174/2008 bertarikh 2 Mei 2008 dan disahkan pada 9 Mei 2008 meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera dan Bahagian Perumahan sebagai urus setia bagi menguruskan permohonan yang dibuat oleh pemaju untuk tujuan pelepasan unit Bumiputera. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati perkara berikut:

1.4.3.1. Status Pembeli Unit Bumiputera Tidak Disahkan

- a. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 unit Bumiputera telah dibeli oleh pembeli yang status Bumiputeranya tidak disahkan oleh Bahagian Perumahan. Semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berhubung status syarikat mendapati kriteria pengiktirafan syarikat bertaraf Bumiputera tidak dipatuhi. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Senarai Pembeli Lot Bumiputera Yang Tidak Disahkan Sebagai Bumiputera

Bil.	Nama Projek	Nama Pembeli	Bilangan Lot Dibeli (Unit)	Catatan
1.	The Light Collection III	Actmax Properties Sdn. Bhd.	6	Pegangan saham oleh Bumiputera adalah 51% tetapi jawatan penting tidak dipegang oleh Bumiputera.
	The Light Collection II	Actmax Properties Sdn. Bhd.	5	Pegangan saham oleh Bumiputera adalah 51% tetapi jawatan penting tidak dipegang oleh Bumiputera.
2.	Scott Residence	East Design Architect Sdn. Bhd.	1	Pegangan saham oleh Bumiputera tidak melebihi 50%.
3.	The Golden Triangle	Adam Lim Bin Abdullah	1	Tiada pengesahan status Bumiputera dibuat oleh Bahagian Perumahan.
4.	Wellesley Residences	Ng Kooi Yeng	1	Tiada pengesahan status Bumiputera dibuat oleh Bahagian Perumahan.
5.	Taman Kelisa Emas	Gnoh Chong Leng @ Aziz Bin Abdullah	1	Tiada pengesahan status Bumiputera dibuat oleh Bahagian Perumahan.
6.	Taman Callisia 2	Lorna Brenda Scully	1	Tiada pengesahan status Bumiputera dibuat oleh Bahagian Perumahan.
7.	Taman Bayu Aman	Machrani Siregar	1	Tiada pengesahan status Bumiputera dibuat oleh Bahagian Perumahan.
Jumlah			17	

Sumber: Bahagian Perumahan

- b. Semakan lanjut terhadap senarai pembeli lot Bumiputera yang dikemukakan oleh pemaju mendapati sebanyak 2 unit lot Bumiputera di Projek Wellesley Residences telah dibeli oleh bukan Bumiputera dan tiada caj bayaran sumbangan pelepasan dikenakan oleh Bahagian Perumahan kepada pemaju unit-unit tersebut. Pengesahan status pembeli tersebut telah dibuat oleh Bahagian Perumahan bagi projek lain sebelum ini dan telah disahkan oleh Jawatankuasa sebagai bukan Bumiputera.
- c. **Berdasarkan maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 15 Mac 2016, setakat ini pengesahan status Bumiputera hanya dibuat apabila dimohon sendiri oleh pemaju dan pembeli untuk membeli lot Bumiputera dan bagi mendapatkan diskaun harga rumah sebanyak 5%. Permohonan tersebut akan**

dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan selepas merujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri. Bahagian Perumahan secara khususnya tidak membuat pengesahan status Bumiputera. *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak menyatakan supaya rujuk silang dibuat terhadap nama-nama pembeli lot Bumiputera yang diisytiharkan oleh pemaju dan tiada penetapan dalam pemilihan nama pembeli lot Bumiputera. Penambahbaikan akan dibuat dari segi borang permohonan bagi meletakkan syarat supaya dikemukakan dokumen sokongan yang membuktikan status Bumiputera. Manakala bagi 2 kes pembeli yang telah disahkan bukan Bumiputera, perkara ini akan dirujuk semula dengan meminta pemaju menjelaskannya.

1.4.3.2. Kuota Bumiputera Dijual Kepada Bukan Bumiputera Sebelum Kelulusan Pelepasan

- a. Semakan Audit mendapati sebanyak 201 unit Bumiputera yang diisytiharkan oleh pemaju telah dijual kepada bukan Bumiputera sebelum kelulusan pelepasan Jawatankuasa diperoleh. Butiran unit-unit Bumiputera yang telah dijual adalah seperti di **Jadual 1.10**. Hal ini berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh Bahagian Perumahan agar unit Bumiputera tidak dijual kepada bukan Bumiputera sebelum kelulusan Jawatankuasa selain mengenakan 100% bayaran sumbangan pelepasan terhadap pemaju.

Jadual 1.10
Senarai Unit Bumiputera Yang Dijual Kepada Bukan Bumiputera Sebelum Kelulusan

Bil.	Nama Projek	Tarikh Awal Dan Akhir Perjanjian Jual Beli	Tarikh Kelulusan Pelepasan	Bil. Kuota Bumiputera Yang Diperuntukkan (Unit)	Bil. Lot Bumiputera Yang Terlebih Jual (Unit)
1.	Wellesley Residences	18.8.11 - 31.1.13	02.06.14	123	100
2.	One Imperial	2.04.13 - 18.9.13	09.07.15	230	50
3.	Residence Suite	20.12.12 - 6.9.13	09.07.15	41	35
4.	Tree Residency@ One Residence	28.10.11 - 30.3.13	02.09.13	95	9
5.	Scott Residence	8.9.12 - 18.10.12	26.09.14	19	5
6.	Palm Residence II	16.5.12 - 29.5.12	02.09.13	4	2
Jumlah					201

Sumber: Bahagian Perumahan

- b. **Berdasarkan maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 15 dan 24 Mac 2016, elemen penguatkuasaan tidak diterapkan dalam dasar penubuhan Jawatankuasa Pelepasan. Sehubungan itu, tindakan susulan yang boleh diambil ke atas pemaju yang tidak mematuhi syarat pelepasan kuota Bumiputera terhad kepada surat-surat peringatan dan sekatan ke atas**

kelulusan OC/CCC. Bahagian Perumahan akan meneliti semula peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk tindakan ke atas ketidakpatuhan ini. Setakat ini surat peringatan sahaja dikeluarkan kepada pemaju. Pemaju dikenakan 100% caj bayaran pelepasan apabila permohonan dibuat.

1.4.3.3. Sijil Kelayakan Menduduki (OC)/Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Dikeluarkan Tanpa Surat Sokongan

- a. Manual Kualiti PSUK.PP.MK-01 Bahagian Perumahan menyatakan surat sokongan OC/CCC akan dikeluarkan setelah bayaran dijelaskan oleh pemaju dan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang. Surat sokongan dikeluarkan bagi menyokong pengeluaran OC/CCC sesuatu projek perumahan.
- b. Maklumat projek-projek yang telah dikeluarkan OC/CCC telah diperoleh daripada PBT dan didapati sebanyak 10 projek perumahan telah dikeluarkan OC/CCC walaupun surat sokongan OC/CCC belum dikeluarkan oleh Bahagian Perumahan kepada pemaju. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Senarai Projek Yang Mendapat OC/CCC Terlebih Dahulu Berbanding Surat Sokongan

Bil.	Nama Projek	Tarikh Surat Sokongan	Tarikh OC/CCC	Tempoh OC/CCC Dikeluarkan Sebelum Surat Sokongan (Hari)
1.	Taman Ghee Hiang	15.7.15	20.8.14	328
2.	Taman Naluri Ria	19.12.14	3.6.14	199
3.	Taman Ilmu Indah (Fasa 1)	12.12.14	20.6.14	175
4.	Taman Gamelan Ria	27.11.14	1.10.14	57
5.	Taman Betik Indah	3.9.13	14.8.13	20
6.	Taman Permai Jaya	Belum Dikeluarkan	21.11.13	-
7.	Taman Seri Permai	Belum Dikeluarkan	3.10.14	-
8.	The Platinum	Belum Dikeluarkan	11.7.14	-
9.	Goodfields Residence	Belum Dikeluarkan	18.6.15	-
10.	Taman Limbungan Indah	Belum Dikeluarkan	3.3.11	-

Sumber: PBT Dan Bahagian Perumahan

- c. Hal ini berlaku disebabkan Bahagian Perumahan tidak mendapatkan maklumat pengeluaran OC/CCC daripada PBT untuk tujuan pemantauan. Perkara ini menunjukkan surat sokongan OC/CCC yang dikeluarkan tidak mengikat pemaju bagi tujuan mendapatkan OC/CCC.
- d. **Berdasarkan maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 15 Mac 2016, penyelarasan dengan PBT untuk mendapatkan penjelasan daripada arkitek yang mengeluarkan OC/CCC tanpa surat sokongan daripada Bahagian Perumahan. Perkara ini juga berlaku disebabkan perubahan peraturan**

berkaitan dengan pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan OC/CCC di mana tanggungjawab pengeluaran OC/CCC telah bertukar daripada PBT kepada arkitek yang dilantik oleh pemaju berkenaan menyebabkan pemantauan tidak dijalankan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan adalah tidak berkesan disebabkan kurangnya koordinasi antara Bahagian Perumahan dengan PBT dalam memastikan tidak berlaku pengeluaran OC/CCC sebelum surat sokongan dikeluarkan.

1.4.4. Akaun Amanah Perumahan Bumiputera

1.4.4.1. Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang ditubuhkan pada bulan September 2009 dengan tujuan untuk mengakaunkan bayaran sumbangan kepada Kerajaan Negeri oleh pemaju bagi pelepasan kuota Bumiputera. Sumbangan ini adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan aktiviti atau program yang berkaitan dengan pembelian atau pembangunan tanah, rumah, ruang komersial atau hartanah lain untuk manfaat Bumiputera.

1.4.4.2. Semakan Audit mendapati Akaun Amanah ini tidak pernah dibelanjakan semenjak penubuhannya pada tahun 2009 dengan baki terkini setakat bulan November 2015 berjumlah RM84.6 juta. Semakan seterusnya mendapati pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memberi cadangan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 19 Ogos 2015 mengenai pembangunan bersama tanah seluas 11.04 ekar di atas Lot 1053 dan sebahagian Lot 758, Seksyen 10, Jalan S.P.Chelliah, Georgetown iaitu pembelian sebanyak 320 unit rumah kos sederhana rendah berserta 320 ruang tempat letak kereta bagi kuota Bumiputera menggunakan peruntukan daripada Akaun Amanah ini. Bagaimanapun memandangkan projek di atas tanah berkenaan masih di peringkat *ground work*, maka akaun ini tidak boleh digunakan untuk membeli 320 unit rumah berkenaan melainkan sehingga projek berkenaan disiapkan. Berdasarkan fail projek rumah kos sederhana berkenaan, rumah yang akan dibina melibatkan 770 unit berharga RM72,500 seunit dan ruang letak kereta berharga RM27,500 sepetak. Sekiranya pembelian 320 unit rumah dibuat maka sejumlah RM23.2 juta akan dibelanjakan untuk harga rumah dan sejumlah RM8.8 juta akan dibelanjakan untuk ruang tempat kereta menjadikan keseluruhan sejumlah RM32.0 juta.

1.4.4.3. **Berdasarkan maklum balas Bahagian Perumahan bertarikh 15 dan 24 Mac 2016, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat pertimbangan dan memberi perhatian terhadap perancangan dan perbelanjaan Akaun Amanah ini.**

Pada pendapat Audit, wang dalam Akaun Amanah Perumahan Bumiputera perlu dibelanjakan dengan sebaiknya bagi manfaat Bumiputera.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kuota Bumiputera dapat dipertingkatkan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

1.5.1. Bahagian Perumahan SUK perlu mewujudkan dan memantapkan lagi *Standard Operating Procedures* merangkumi kawalan dalaman di peringkat proses permohonan, pengiraan bayaran sumbangan pelepasan dan penetapan tempoh bayaran pelepasan yang perlu dijelaskan oleh pemaju.

1.5.2. Mewujudkan peraturan dan mengambil tindakan terhadap pemaju yang tidak mematuhi syarat jualan dan pelepasan kuota Bumiputera.

1.5.3. Memastikan Pelan Pecah Sempadan yang menunjukkan kedudukan unit Bumiputera disertakan semasa permohonan pelepasan dibuat bagi memastikan unit Bumiputera yang diisytiharkan oleh pemaju adalah sama dengan unit Bumiputera yang telah disahkan oleh PBT dan diluluskan oleh PTG bagi mengelakkan kesilapan pengiraan sumbangan pelepasan.

1.5.4. Meningkatkan aspek pemantauan dan koordinasi dengan pihak-pihak terbabit seperti PBT dan PTG bagi memastikan pembeli Bumiputera mendapatkan haknya dan kuota Bumiputera tidak disalahgunakan oleh pemaju sebelum kelulusan.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA

2. PROGRAM PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN RUMAH RAKYAT TERMISKIN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang sempurna dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti kemudahan air, elektrik dan tandas. Objektif program ini adalah untuk menyediakan rumah yang selesa dan membantu meningkatkan kualiti hidup golongan miskin sebagai asas pembentukan sesebuah keluarga. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menguruskan dan membiayai program ini. Peruntukan bagi Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin disalurkan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN) dan seterusnya ke pejabat-pejabat daerah sebagai agensi pelaksana.

2.1.2. Bilangan penerima program ini bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 442 orang iaitu 63 orang menerima bantuan membina rumah baru manakala 379 orang menerima bantuan membaiki rumah. Bagi tempoh tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM6.52 juta dan sejumlah RM6.20 juta telah dibelanjakan bagi menjayakan program ini di seluruh negeri Pulau Pinang seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Untuk Program Pembinaan Dan Pembaikan
Rumah Rakyat Termiskin Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Bilangan Penerima	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2013	120	1.43	1.38	96.5
2014	168	2.04	2.02	99.0
2015	154	3.05	2.80	91.8
Jumlah	442	6.52	6.20	95.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin bagi tahun 2013 sehingga tahun 2015 di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Barat Daya (DBD). Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan program di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan pejabat daerah berkenaan. Selain itu, lawatan Audit ke rumah yang dibina dan dibaiki serta temu bual dengan penerima bantuan juga dilakukan. *Exit conference* bersama Timbalan Pengarah UPEN (Sektoral) dan pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah SPU, SPT dan DBD telah diadakan pada 14 Mac 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin adalah memuaskan daripada segi prestasi perbelanjaan dan pemilihan kontraktor. Pemilihan kontraktor menggunakan sistem, Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (*sysP*) bagi tawaran sebut harga pembinaan rumah baru dan secara undian untuk kerja-kerja membaiki rumah. Pejabat Daerah juga bertindak sebagai pejabat pelaksana projek. Selain itu, kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor bagi pembinaan dan pembaikan rumah serta pemantauan projek oleh UPEN dan Pejabat Daerah juga adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Garis panduan pembinaan rumah baru belum dimuktamadkan.
- Penerima bantuan tidak tergolong dalam kategori miskin.

2.4.1. Prestasi Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin

2.4.1.1. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM6.52 juta bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2015 untuk melaksanakan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin. Bagi tempoh tersebut, peruntukan yang diluluskan bagi SPU, SPT dan DBD adalah masing-masing berjumlah RM2.48 juta, RM1.61 juta dan RM0.63 juta. Perbelanjaan yang telah dilakukan dalam menjayakan program ini adalah masing-masing berjumlah RM2.45 juta, RM1.54 juta dan RM0.59 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menambah peruntukan bina baru rumah pada tahun 2015 kepada RM40,000 daripada RM35,000 seunit pada tahun 2014. Manakala peruntukan bagi pembaikan rumah telah ditambah kepada RM15,000 seunit pada tahun 2015 berbanding RM11,000 seunit pada tahun sebelumnya. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Pembinaan Dan Pembaikan
Rumah Rakyat Termiskin Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Daerah	Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
PDTSPU	2013	440,691	428,638	97.3
	2014	648,100	640,500	98.8
	2015	1,388,000	1,383,866	99.7
Jumlah		2,476,791	2,453,004	99.0
PDTSP	2013	373,000	367,782	98.6
	2014	392,000	378,244	96.5
	2015	845,000	791,440	93.7
Jumlah		1,610,000	1,537,466	95.5
PDTDBD	2013	167,777	166,709	99.4
	2014	220,450	220,450	100
	2015	245,550	199,825	81.4
Jumlah		633,777	586,984	92.6
Jumlah Keseluruhan		4,720,568	4,577,454	97.0

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

2.4.1.2. Analisis Audit menunjukkan peratus pencapaian perbelanjaan pembinaan dan pembaikan rumah adalah baik iaitu 92.6% hingga 99% bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Dari segi peruntukan juga didapati meningkat setiap tahun seperti Daerah SPU daripada sejumlah RM440,691 pada tahun 2013 kepada sejumlah RM1.39 juta pada tahun 2015. Begitu juga Daerah SPT, peruntukan yang diterima pada tahun 2015 meningkat kepada sejumlah RM845,000 daripada sejumlah RM373,000 bagi tahun 2013 dan bagi Daerah DBD meningkat daripada sejumlah RM167,777 pada tahun 2013 kepada sejumlah RM245,550 pada tahun 2015.

2.4.1.3. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 55 daripada 57 buah rumah bina baru telah dilaksanakan manakala 242 daripada 243 pembaikan rumah yang diluluskan telah dilaksanakan seperti di **Jadual 2.3**. Peningkatan bantuan pembinaan rumah baru dan pembaikan rumah adalah disebabkan Penghulu, Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) memainkan peranan mengesan penduduk miskin yang layak diberi bantuan. Selain itu, Program Jelajah Desa juga diadakan setiap tahun bagi memaklumkan kewujudan program ini kepada orang awam di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Jadual 2.3
Bilangan Penerima Bantuan Bagi Tempoh Tahun 2013 hingga Tahun 2015

Daerah	Tahun	Bilangan Diluluskan		Bilangan Dilaksanakan		Peratus (%)	
		Bina Baru	Baiki	Bina Baru	Baiki	Bina Baru	Baiki
PDTSPU	2013	3	37	2	39	66.7	105.4
	2014	4	53	4	53	100.0	100.0
	2015	26	26	26	26	100.0	100.0
PDTSPT	2013	5	18	5	18	100.0	100.0
	2014	3	25	3	25	100.0	100.0
	2015	8	37	8	34	100.0	91.9
PDTDBD	2013	-	26	-	26	-	100.0
	2014	4	12	4	12	100.0	100.0
	2015	4	9	3	9	75.0	100.0
Jumlah		57	243	55	242	96.5	99.6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

2.4.1.4. Peningkatan peruntukan bantuan pembinaan rumah baru dan pembaikan rumah memberi peluang kepada lebih ramai golongan miskin untuk memiliki rumah sendiri dan rumah sedia ada dengan lebih selesa.

Pada pendapat Audit prestasi pelaksanaan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin adalah memuaskan.

2.4.2. Garis Panduan Pembinaan Rumah Baru Belum Dimuktamadkan

2.4.2.1. UPEN merupakan agensi yang bertanggungjawab menguruskan peruntukan, mengagihkannya kepada semua Pejabat Daerah terlibat dan memantau pelaksanaan projek oleh agensi pelaksana di peringkat daerah.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati sejak program ini dilaksanakan mulai tahun 2010, tiada garis panduan disediakan sebagai panduan kepada agensi pelaksana. Satu draf garis panduan mula disediakan pada penghujung tahun 2014 dan sehingga Disember 2015, garis panduan ini masih belum diluluskan. Tanpa garis panduan yang muktamad, pembinaan rumah baru bagi setiap daerah adalah tidak seragam dari segi bentuk dan spesifikasi. Lawatan Audit antara 19 Oktober hingga 18 November 2015 mendapati spesifikasi rumah baru yang dibina di ketiga-tiga daerah adalah tidak seragam seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Spesifikasi Longkang
Yang Tidak Seragam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pelet, SPT
Tarikh: 16 November 2015

Gambar 2.2
Spesifikasi Longkang
Yang Tidak Seragam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Permatang Sintok, SPU
Tarikh: 20 Oktober 2015

Gambar 2.3
Dinding Bilik Air Yang Tidak Ditutup
Sepenuhnya Di DBD



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Pinang, Bukit Kecil, DBD
Tarikh: 28 Oktober 2015

Gambar 2.4
Dinding Bilik Air Yang Ditutup
Sepenuhnya Di SPU



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Permatang Berangan, SPU
Tarikh: 19 Oktober 2015

2.4.2.3. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 14 Mac 2016, Garis Panduan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Desa pada 16 Disember 2015. Satu sesi penerangan kepada semua Pejabat Daerah telah diadakan pada 26 Februari 2016 dan Garis Panduan ini akan mula diguna pakai pada tahun 2016. Namun begitu penambahbaikan Garis Panduan akan diadakan dari masa ke semasa bagi memastikan keperluan semasa dapat dipertimbangkan.

Pada pendapat Audit, penggunaan Garis Panduan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin oleh agensi pelaksana akan menyeragamkan bentuk dan spesifikasi bagi setiap rumah yang dibina.

2.4.3. Penerima Bantuan Tidak Tergolong Dalam Kategori Miskin

2.4.3.1. Mengikut Garis Panduan Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri (BKKN), seseorang itu tergolong dalam kategori miskin apabila pendapatan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri atau pendapatan per kapita adalah kurang daripada kadar pendapatan per kapita yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Dan Jumlah Pendapatan Per Kapita Yang Ditetapkan Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2015

Tahun	PGK (RM)	Pendapatan Per Kapita (RM)
2009 - 2011	500	100
2012	600	120
2013	770	220
2014 - 2015	790	220

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

2.4.3.2. Walau bagaimanapun, bagi Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin, tiada kriteria daripada segi pendapatan isi rumah atau pendapatan per kapita yang ditetapkan bagi mengkategorikan seseorang itu berada dalam kategori golongan miskin dan layak untuk menerima bantuan rumah baru atau pembaikan rumah.

2.4.3.3. Semakan Audit mendapati penerima bantuan yang diluluskan adalah berdasarkan kepada pendapatan, keadaan sosial dan kesihatan seperti ibu/bapa tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas yang uzur. Pihak Audit juga mendapati Pejabat Daerah tidak menetapkan kadar minima dan maksima jumlah pendapatan isi rumah untuk dikategorikan sebagai miskin. Lawatan Audit antara 19 Oktober 2015 hingga 18 November 2015 di Daerah SPU, SPT dan DBD mendapati 3 daripada 48 penerima bantuan baiki rumah telah mengisytiharkan jumlah pendapatan yang meragukan berbanding keadaan rumah mereka semasa lawatan Audit dijalankan seperti di **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.10**.

Gambar 2.5
Pemilik Rumah Mempunyai Kelengkapan Rumah Yang Lengkap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lahar Tiang, SPU
Tarikh: 22 Oktober 2015

Gambar 2.6
Pemilik Rumah Mempunyai Kereta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lahar Tiang, SPU
Tarikh: 22 Oktober 2015

Gambar 2.7
Pemilik Rumah Mempunyai Kelengkapan Rumah Yang Lengkap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Semilang, Juru, SPT
Tarikh: 18 November 2015

Gambar 2.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Semilang, Juru, SPT
Tarikh: 18 November 2015

Gambar 2.9
Pemilik Rumah Mempunyai Kereta Dan Astro



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pondok Upeh, DBD
Tarikh: 2 November 2015

Gambar 2.10



2.4.3.4. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah SPT Dan DBD bertarikh 14 Mac 2016, semasa siasatan dibuat serta semasa pertimbangan oleh jawatankuasa di peringkat daerah tiada sebarang ketetapan mengenai pendapatan maksima pemohon yang layak dipertimbangkan. Kelulusan dibuat berdasarkan keadaan pemohon semasa membuat permohonan seperti pemohon mempunyai tanggungan yang ramai, ibu tunggal yang tidak bekerja dan pemohon yang jatuh sakit.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan penerima bantuan bagi pembinaan rumah baru dan pembaikan rumah adalah memuaskan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin dapat dilaksanakan dengan berkesan, UPEN dan Pejabat Daerah disyorkan supaya mengekalkan prestasi program ini bagi membolehkan lebih ramai golongan miskin mendapat manfaat daripadanya.

JABATAN KEWANGAN NEGERI
JABATAN KERJA RAYA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

3. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jalan negeri bererti mana-mana jalan awam yang boleh dilalui oleh orang awam selain daripada jalan Persekutuan. Mengikut Jadual 10 Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri ditakrifkan sebagai pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan negeri, perabot jalan, jambatan, jejambat atau pembentung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya seperti mana dibina atau dibaiki. Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf *standard*, jalan *sub standard*, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian serta jalan kampung yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya.

3.1.2. Kerja penyenggaraan jalan negeri dibahagikan kepada 4 kategori utama iaitu penyenggaraan berkala, rutin (berjadual), kecemasan dan pencegahan. Penyenggaraan berkala meliputi pemeriksaan dan penilaian secara berkala terhadap keupayaan struktur *pavement* jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai seperti menyenggara dan menguatkan struktur *pavement* jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menurap dengan permukaan jalan yang baru (*resurfacing*), memotong dan menampal permukaan jalan yang rosak sebelum menurap semula jalan sedia ada, mengecat garisan jalan, menggantikan perabot jalan, mengganti saluran, menyenggara pokok-pokok di bahu jalan dan menyenggara lampu jalan serta lampu isyarat. Penyenggaraan rutin pula meliputi kerja yang dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti penyenggaraan bahu jalan, menampal *pavement* jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pembentung dan jambatan serta pembersihan longkang. Manakala penyenggaraan kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan seperti tanah runtuh, pokok tumbang, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang membahayakan pengguna jalan raya.

3.1.3. Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri dan ia disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang (Kumpulan Wang Amanah) dan diuruskan oleh Pegawai Kewangan Negeri (PKN) sebagai Pegawai Pengawal. Jumlah pemberian adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) pada sesuatu tahun.

3.1.4. Berdasarkan rekod MARRIS, jumlah panjang jalan negeri di Pulau Pinang yang telah didaftarkan sehingga akhir tahun 2015 adalah 4,209.80 km yang meliputi 1,639.25 km disenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), 1,382.17 km disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 155.02 km disenggara oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan 1,033.36 km disenggara oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

3.1.5. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Disember 2015 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM280.67 juta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM250.15 juta telah dibelanjakan/diagihkan kepada JKR, PBT, PDT dan JPS selaku agensi pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan di Pulau Pinang.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada kerja penyenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh tahun 2013 hingga Disember 2015 yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Jalan, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah (JKRSPT), Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Utara (JKRSPU) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, jadual pelaksanaan dan dokumen yang berkaitan dengan kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri. Sebanyak 103 sampel projek yang meliputi kerja-kerja penyenggaraan telah dipilih untuk disemak secara terperinci. Lawatan Audit ke 42 tapak sampel projek yang dipilih juga dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai projek penyenggaraan yang dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan bagi mendapatkan maklumat berhubung kerja penyenggaraan yang dijalankan. *Exit Conference* bersama Pegawai Kewangan Negeri dan pegawai-pegawai agensi pelaksana telah diadakan pada 17 Mac 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati prestasi penyenggaraan jalan negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan.
- Rekod MARRIS tidak dikemas kini.
- Perjanjian kontrak lewat ditandatangani.
- Laporan siasatan aduan lewat disediakan.

3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Program Penyenggaraan Jalan Negeri

3.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Dan Agihan Wang MARRIS

- a. Berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri layak menerima wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan khusus untuk tujuan penyenggaraan jalan negeri berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS. Pemberian ini diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan di Jabatan Kewangan Negeri dan seterusnya pengagihan akan dibuat oleh PKN kepada 4 agensi pelaksana. Prestasi penerimaan dan perbelanjaan/agihan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Penerimaan, Perbelanjaan/Agihan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Perihal	Tahun			Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	
Baki Awal	22.62	50.47	44.52	22.62
Peruntukan Diterima	84.59	94.62	101.46	280.67
Jumlah	107.21	145.09	145.98	303.29
Agihan Kepada MBPP	9.23	22.71	12.89	44.83
Agihan Kepada MPSP	7.33	19.33	23.64	50.30
Perbelanjaan JKR/JKR Daerah	39.15	52.76	48.15	140.06
Perbelanjaan JPS	-	4.56	5.31	9.87
Perbelanjaan PDT	0.41	1.21	2.79	4.41
Perbelanjaan JKN	0.62	-	0.06	0.68
Jumlah Perbelanjaan/Agihan	56.74	100.57	92.84	250.15
Peratus Perbelanjaan/Agihan (%)	67.1	106.3	91.5	89.1
Baki Kumpulan Wang Amanah	50.47	44.52	53.14	53.14

Sumber: Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

- b. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM280.67 juta geran penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, bagi tempoh yang sama sejumlah RM250.15 juta telah dibelanjakan dengan pencapaian sebanyak 89.1%. Manakala prestasi tahunan adalah antara 67.1% hingga 106.3%. Ini menunjukkan tidak kesemua peruntukan tahunan yang diberikan dibelanjakan sepenuhnya oleh Agensi Pelaksana kecuali pada tahun 2014. Akibatnya, baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah meningkat daripada RM50.47 juta pada tahun 2013 kepada RM53.14 juta pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri adalah memuaskan.

3.4.1.2. Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan

- a. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 JKRSPT telah merancang untuk menjalankan 129 kerja penyenggaraan berjumlah RM27.02 juta. Rancangan kerja penyenggaraan bagi JKRSPU dan MPSP pula masing-masing 138 kerja berjumlah RM26.45 juta dan 347 kerja berjumlah RM35.71 juta. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Rancangan Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Agensi Pelaksana	2013		2014		2015		Jumlah Keseluruhan	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
JKRSPT	43	8.90	54	12.02	32	6.10	129	27.02
JKRSPU	30	5.80	47	8.95	61	11.70	138	26.45
MPSP	45	5.29	154	12.04	148	18.38	347	35.71
Jumlah	118	19.99	255	33.01	241	36.18	614	89.18

Sumber: JKR Seberang Perai Tengah, JKR Seberang Perai Utara Dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015 JKRSPT telah melaksanakan 132 kerja penyenggaraan jalan berjumlah RM20 juta berbanding 129 yang dirancang. Bagi tempoh yang sama JKRSPU dan MPSP telah melaksanakan masing-masing 91 kerja penyenggaraan jalan berjumlah RM13.91 juta dan 3,322 kerja penyenggaraan jalan termasuk kerja-kerja penyelesaian aduan yang berjumlah RM45.40 juta berbanding jumlah yang dirancang. Jumlah kerja penyenggaraan jalan yang telah dilaksanakan oleh JKRSPT, JKRSPU dan MPSP adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga Ogos 2015

Agensi Pelaksana	2013		2014		2015		Jumlah Keseluruhan	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
JKRSPT	61	9.20	39	5.73	32	5.07	132	20.00
JKRSPU	29	4.74	44	6.59	18	2.58	91	13.91
MPSP	1,116	11.06	894	14.50	1,312	19.84	3,322	45.40
Jumlah	1,206	25.00	977	26.82	1,362	27.49	3,545	79.31

Sumber: JKR Seberang Perai Tengah, JKR Seberang Perai Utara Dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

- c. Analisis Audit mendapati tidak semua kerja yang dirancang telah dilaksanakan oleh JKRSPT, JKRSPU dan MPSP kerana pelaksanaan kerja yang dijalankan adalah bergantung kepada keperluan semasa. Bagaimanapun, kerja yang tidak dilaksanakan telah diganti dengan kerja penyenggaraan lain yang lebih mendesak. Program penyenggaraan yang disediakan adalah mengikut keperluan iaitu berdasarkan kepada aduan yang diterima, hasil lawatan kakitangan Bahagian Operasi atau permintaan daripada wakil rakyat yang menghendaki sesuatu jalan disenggara. Kesannya, program penyenggaraan yang dilaksanakan adalah terbatas dan tidak dapat dibuat secara menyeluruh.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penyenggaraan oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan.

3.4.2. Kualiti Kerja Penyenggaraan Kurang Memuaskan

Penyenggaraan berkala meliputi kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan seperti menguatkan struktur *pavement* jalan, membaiki dan menurap semula jalan sedia ada, menggantikan perabot jalan dan longkang serta mengecat semula garisan jalan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015, JKRSPT dan JKRSPU telah melaksanakan masing-masing 203 kerja penyenggaraan berkala berjumlah RM17.56 juta dan 85 penyenggaraan berkala berjumlah RM13.35 juta. Manakala sejumlah RM33.93 juta untuk 2,678 kerja penyenggaraan berkala telah dibelanjakan oleh MPSP.

3.4.2.1. Membaik Pulih Dan Menurap Semula Permukaan Jalan

- a. Berdasarkan *Highway Maintenance Manual* permukaan jalan perlu disenggara dan diganti dengan permukaan baru (*resurfacing*) setiap 5 hingga 10 tahun sekali bagi menampung unjuran beban trafik di jalan tersebut. Selain itu, berdasarkan Buku Panduan “Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu”, penyenggaraan jalan hendaklah meliputi pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas struktur *pavement* sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Penyenggaraan yang dijalankan adalah bagi memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat.
- b. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015, JKRSPT dan JKRSPU telah membelanjakan sejumlah masing-masing RM13.05 juta bagi 82 kerja menurap jalan dan RM10.40 juta bagi 65 kerja menurap semula jalan. Manakala sejumlah RM19.17 juta telah dibelanjakan oleh MPSP bagi 318 kerja menurap jalan termasuk penyenggaraan perabot jalan. Bagaimanapun, jumlah sebenar kerja menurap jalan oleh MPSP tidak dapat ditentukan kerana kerja yang dilaksanakan tidak dipecahkan mengikut jenis kerja. Hasil lawatan Audit pada bulan Oktober 2015 mendapati masih ada permukaan jalan yang rosak tetapi belum dibaiki seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Air Bertakung Di Permukaan Jalan
Boleh Merosakkan Tekstur *Pavement*



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Gajah Mati,
 Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 7 Oktober 2015

Gambar 3.2
Permukaan Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Juru Estate,
 Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 22 Oktober 2015

- c. Projek membarui muka jalan di kawasan Jalan Perindustrian Bukit Minyak dan projek penyenggaraan jalan rosak dan berlubang di Jalan Tun Hussein Onn di hadapan Masjid Seberang Jaya yang disenggarakan oleh JKRSPT masing-masing berjumlah RM170,800 dan RM173,060. Mengikut buku panduan “Senggara Jalan Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu” bahu jalan mestilah tidak melebihi 10 mm lebih rendah dari permukaan jalan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati bahu jalan yang diturap di jalan Perindustrian Bukit Minyak bertebing tinggi sehingga 310 mm seperti **Gambar 3.3**. Keadaan ini membahayakan pengguna terutama pengguna bermotosikal.

Gambar 3.3
Keadaan Bahu Jalan Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah
 Tarikh: 7 Oktober 2015

- d. Projek penyenggaraan parit tepi jalan di Taman Desa Murni, Seberang Perai Utara berjumlah RM7,532 telah dilaksanakan pada bulan Ogos 2015. Lawatan Audit pada bulan Disember 2015 mendapati kerja yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik adalah tidak sempurna. Kerja penyambungan antara *slab* tidak dibuat dengan kemas

mengakibatkannya pecah, sungguhpun projek tersebut baru 4 bulan siap seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**.

Gambar 3.4
Pemasangan Slab Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Murni,
Seberang Perai Utara
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 3.5
Slab Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Murni,
Seberang Perai Utara
Tarikh: 9 Disember 2015

3.4.2.2. Mengganti Perabot Jalan Yang Rosak

Semua perabot jalan seperti papan tanda jalan, papan tanda *chevron*, *kilometer post*, *guardrail* dan *delineator post* hendaklah sentiasa dalam keadaan baik bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin. Bagi tempoh tahun 2013 hingga Ogos 2015 JKRSPT dan JKRSPU telah membelanjakan sejumlah masing-masing RM1.0 juta bagi 42 kerja mengganti/memasang perabot jalan dan RM0.65 juta bagi 4 kerja memperbaiki dan mengganti perabot jalan yang rosak. Manakala bagi MPSP, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar kerja mengganti/memasang perabot jalan yang dijalankan kerana kerja yang dilaksanakan tidak dipecahkan mengikut jenis kerja. Bagaimanapun, hasil lawatan Audit mendapati masih ada perabot jalan yang telah rosak tetapi tidak dibaiki dengan sewajarnya seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

Gambar 3.6
Guardrail Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Arowana,
Seberang Perai Tengah
Tarikh: 27 Oktober 2015

Gambar 3.7
Guardrail Dan Laluan Pejalan Kaki Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Teluk Air Tawar Indah,
Seberang Perai Utara
Tarikh: 10 November 2015

3.4.2.3. Penyenggaraan Bahu Jalan Yang Rosak

Berdasarkan Buku Panduan “Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu”, bahu jalan perlu dipelihara supaya keadaan permukaannya rata, bahan terlerai minimum, kecuraman mencukupi untuk mengalirkan air ke longkang tepi jalan, kekuatan mencukupi untuk menyokong beban trafik dan terdapat *flush joint* di tepi bahu jalan. Kerja penyenggaraan bahu jalan adalah seperti menggedkan semula bahu jalan, membaiki bahu jalan yang rosak atau berlopak dan membersihkan tumbuhan di sekitar bahu jalan. Lawatan Audit mendapati masih ada bahu jalan yang rosak dan berlopak seperti di **Gambar 3.8** hingga **Gambar 3.10**.

Gambar 3.8
Air Bertakung Menyebabkan
Bahu Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sungai Lembu,
Seberang Perai Tengah
Tarikh: 7 Oktober 2015

Gambar 3.9
Air Bertakung Menyebabkan
Bahu Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kuala Juru,
Seberang Perai Tengah
Tarikh: 22 Oktober 2015



Gambar 3.10
Aras Bahu Jalan Lebih Tinggi Dari
Permukaan Jalan Menyebabkan Air
Bertakung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gajah Mati, Seberang Perai Tengah
Tarikh: 7 Oktober 2015

3.4.2.4. Berdasarkan maklum balas JKRSPT dan MPSP masing-masing bertarikh 17 Mac 2016 dan 8 Mac 2016, kerja-kerja penyenggaraan telah dimasukkan dalam senarai perancangan program penyenggaraan tahun 2016. Guardrail di Taman Arowana telah diganti manakala guardrail dan pejalan kaki yang rosak di Taman Teluk Air Tawar Indah sedang dalam pembaikan. Tunggul pokok yang ditebang telah dibuang dan kerja-kerja pembaikan bahu jalan dan sekeliling dijadualkan siap pada 30 Mac 2016. Keadaan bahu jalan di Jalan Gajah Mati yang tinggi merupakan

struktur ban JPS bagi menghalang air sungai melimpahi jalan, pihak JKR dan JPS sedang mengkaji untuk menaikkan aras jalan. Kerosakan pada *slab* di Taman Desa Murni berpunca daripada kenderaan kontraktor JPS yang melalui parit tersebut. Jabatan Kejuruteraan MPSP telah merujuk kepada pihak JPS pada 11 Disember 2015 untuk membuat pembaikan semula terhadap kerosakan tersebut.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat jalan, bahu jalan, longkang dan perabot jalan yang rosak belum dibaiki dan tidak dimasukkan dalam program penyenggaraan agensi pelaksana.

3.4.3. Rekod MARRIS Tidak Dikemas Kini

3.4.3.1. Sehingga Disember 2015, jumlah panjang jalan negeri di seluruh Pulau Pinang yang didaftarkan dalam sistem MARRIS adalah sepanjang 4,209.80 km seperti di **Jadual 3.4**. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati, maklumat koordinat GPS di dalam sistem MARRIS belum dilengkapkan sepenuhnya dengan hanya 20.1% sahaja dilengkapkan seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.4
Jumlah Panjang Jalan Negeri Yang Didaftarkan
Dalam Sistem MARRIS Sehingga Bulan Disember 2015

Agensi Pelaksana	Panjang Jalan (km)
JKR	1,639.25
PBT	1,382.17
JPS	1,033.36
PDT	155.02
Jumlah	4,209.80

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang

Jadual 3.5
Maklumat Koordinat Dalam Sistem MARRIS Sehingga Bulan Disember 2015

Bil.	Daerah	Bilangan Jalan		Peratus Pencapaian (%)
		Keseluruhan	Dikemaskini Dengan Koordinat GPS	
1.	SPT	2,595	682	26.3
2.	SPU	2,574	806	31.3
3.	SPS	1,775	67	3.8
4.	DTL	2,588	464	17.9
5.	DBD	1,220	139	11.4
6.	Bandaraya Georgetown	9	-	-
Jumlah		10,761	2,158	20.1

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang

3.4.3.2. Berdasarkan maklum balas JKRSPT, JKRSPU dan MPSP masing-masing bertarikh 17 Mac 2016, 14 Mac 2016 dan 8 Mac 2016, pengisian koordinat GPS setiap jalan masih dalam tindakan JKRSPT dan alat GPS telah diterima untuk

kegunaan dan kemudahan dalam melaksanakan kerja-kerja cerapan data koordinat GPS pada 1 Oktober 2015. Bagi MPSP, pengemaskinian rekod koordinat bagi jalan-jalan dalam taman perumahan yang lama akan dilaksanakan secara berperingkat yang dijadualkan selesai pada hujung tahun 2016.

Pada pendapat Audit, pengemaskinian rekod MARRIS secara berterusan perlu dijalankan.

3.4.4. Perjanjian Kontrak Lewat Ditandatangani

3.4.4.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki kontrak di tandatangi dan dimeterai dalam tempoh 4 bulan selepas surat setuju terima tender ditandatangani. MPSP telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja penyenggaraan jalan dan parit di kawasan Seberang Perai. Pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka dan tempoh kontrak adalah selama 2 tahun. Semakan Audit mendapati 17 daripada 20 perjanjian kontrak bagi kontraktor yang dilantik oleh MPSP untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan dan parit mengambil masa antara 5 hingga 10 bulan selepas surat setuju terima dikeluarkan. Butirannya seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tempoh Kelewatan Menandatangani Perjanjian Kontrak Bagi 17 Kontraktor
Yang Dilantik Oleh MPSP Mengikut Parlimen

Bil.	Kontraktor	Kerja	Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani	Tarikh Perjanjian Kontrak Ditandatangani	Tempoh Masa Yang Diambil (Bulan)	Tempoh Kelewatan (Bulan)
1.	Prasarana Utara Sdn. Bhd.	Jalan	7.3.2013	26.9.2013	6	2
2.	Syifa Bina Sdn. Bhd.		6.3.2013	28.10.2013	7	3
3.	Mulia Jernih Sdn. Bhd.		28.2.2013	19.11.2013	9	5
4.	Artera Bina Sdn. Bhd.		1.3.2013	8.11.2013	8	4
5.	MLHN Enterprise		26.2.2013	8.11.2013	9	5
6.	Warisan Juta Enterprise		28.2.2013	23.12.2013	10	6
7.	Daya Potensi Sdn. Bhd.	Parit	24.9.2013	11.2.2014	5	1
8.	Perniagaan ABH		24.9.2013	11.2.2014	5	1
9.	Alor Construction		24.9.2013	11.2.2014	5	1
10.	Daya Potensi Sdn. Bhd.		24.9.2013	19.2.2014	5	1
11.	Syifa Builder Enterprise		24.9.2013	11.2.2014	5	1
12.	Lestari Integrated Sdn. Bhd.		9.3.2015	8.9.2015	6	2
13.	Ar Bina Mutiara Sdn. Bhd.	Jalan	9.3.2015	3.8.2015	5	1
14.	Syifa Bina Sdn. Bhd.		24.3.2015	3.9.2015	6	2
15.	TPJ Engineering Sdn. Bhd.		11.3.2015	8.9.2015	6	2
16.	Perfect Universe Sdn. Bhd.		10.3.2015	8.9.2015	6	2
17.	Nazmo Sdn. Bhd.		10.3.2015	3.9.2015	6	2

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

3.4.4.2. Berdasarkan maklum balas MPSP bertarikh 8 Mac 2016, ikatan kontrak telah pun wujud antara MPSP dan kontraktor setelah surat setuju terima (SST) ditandatangani dan dikembalikan kepada MPSP. Oleh itu, SST merupakan satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Tindakan boleh diambil jika berlaku perkara yang tidak diingini oleh kedua-

dua pihak sebagaimana syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender. Pada tahun 2016, MPSP bercadang mengadakan latihan berdasarkan perancangan latihan. Pemantauan terhadap perjanjian dibuat sebulan sekali berdasarkan Pelan Tindakan Pengurusan Tender Dan Sebut Harga.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak antara MPSP dan kontraktor yang dilantik perlu ditandatangani dalam tempoh ditetapkan.

3.4.5. Pengurusan Aduan Awam

3.4.5.1. Kelewatan Dalam Penyediaan Laporan Siasatan Aduan

- a. Bagi mencapai tahap kepuasan dan keyakinan yang tinggi bagi pengguna-pengguna jalan raya, aduan-aduan daripada pengguna jalan raya perlu diselesaikan dengan kadar segera. Mengikut proses kerja menerima dan maklum balas aduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya, laporan siasatan perlu disediakan dalam tempoh masa 7 hari daripada tarikh aduan dibuat melalui borang SPK JKR.PK(P)11-3.
- b. Semakan Audit mendapati 18 aduan di JKRSPU lewat disediakan laporan siasatan antara 8 dan 56 hari seperti di **Jadual 3.7**. Manakala bagi JKRSPT, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh laporan siasatan disediakan bagi 156 aduan kerana tiada tarikh dinyatakan dalam borang tersebut dan sebanyak 28 daripada jumlah aduan tersebut tidak mempunyai tandatangan pegawai.

Jadual 3.7
Kelewatan Dalam Penyediaan Laporan Siasatan
Di JKRSPU Bagi Tahun 2015

Bil.	No. Aduan	Tarikh Aduan	Tarikh Laporan Siasatan Disediakan	Tarikh Laporan Siasatan Patut Disediakan	Kelewatan (Hari)
1.	WEB27202	2.1.2015	22.1.2015	9.1.2015	13
2.	EMEL27395	13.1.2015	2.3.2015	20.1.2015	41
3.	EMEL27569	21.1.2015	2.3.2015	28.1.2015	33
4.	EMEL27642	24.1.2015	2.3.2015	31.1.2015	30
5.	WEB27648	26.1.2015	30.3.2015	2.2.2015	56
6.	EMEL27857	6.2.2015	2.3.2015	13.2.2015	17
7.	EMEL27930	11.2.2015	3.3.2015	18.2.2015	13
8.	EMEL28388	18.3.2015	Tiada	25.3.2015	Tiada
9.	WEB28527	1.4.2015	24.4.2015	8.4.2015	16
10.	EMEL28540	2.4.2015	6.5.2015	9.4.2015	27
11.	EMEL28544	2.4.2015	22.4.2015	9.4.2015	13
12.	EMEL28890	17.4.2015	6.5.2015	24.4.2015	12
13.	EMEL28936	21.4.2015	13.5.2015	28.4.2015	15
14.	EMEL29034	27.4.2015	13.5.2015	4.5.2015	9
15.	EMEL29267	12.5.2015	1.6.2015	19.5.2015	13
16.	EMEL30737	4.8.2015	20.8.2015	11.8.2015	9
17.	EMEL31443	14.9.2015	29.9.2015	21.9.2015	8
18.	EMEL31560	21.9.2015	22.10.2015	28.9.2015	24

Sumber: JKR Seberang Perai Utara

- c. Berdasarkan maklum balas JKRSPT dan JKRSPU masing-masing bertarikh 17 Mac 2016 dan 14 Mac 2016, borang-borang yang digunakan adalah untuk tujuan rekod jabatan dan ianya tidak mempengaruhi pengurusan aduan memandangkan banyak saluran lain yang digunakan untuk penyampaian aduan seperti aplikasi *mobile* dan pelaporan dalam Sistem Aduan *Online* yang mana ianya lebih cepat dan praktikal. Tarikh-tarikh yang diperolehi adalah dari sistem *online* aduan JKR. Sistem *online* ini baru sahaja diperkenalkan pada tahun 2015. Kelewatan pada tarikh tersebut berlaku kerana pegawai aduan pada masa itu belum memahami sepenuhnya untuk mengendalikan sistem tersebut. JKRSPU sedaya upaya meningkatkan kecekapan pegawai terhadap sistem tersebut dari semasa ke semasa. Terdapat juga masalah melibatkan sistem di mana sistem tersebut tidak dapat dibuka dan turut menyumbang kepada kelewatan penyediaan laporan siasatan tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan awam adalah memuaskan kerana agensi pelaksana dapat menyelesaikan sebahagian besar aduan yang diterima. Bagaimanapun, laporan siasatan yang lewat disediakan perlu diambil tindakan supaya tidak berlaku kelewatan tindakan terhadap aduan yang diterima.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan jalan negeri di Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pengguna jalan raya mendapat perkhidmatan serta infrastruktur jalan yang terbaik, selesa dan selamat adalah disyorkan agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3.5.2. Mengemas kini rekod dan data MARRIS bagi memperoleh geran penyenggaraan jalan negeri mengikut jumlah yang sepatutnya dan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3.5.3. Menyelenggara Daftar Aduan Awam dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan laporan siasatan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi membolehkan maklum balas dikemukakan dan aduan awam dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

PBA HOLDINGS BERHAD

4. PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang telah diperbadankan pada tahun 1999 dan dikenali sebagai Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP). Pada tahun 2011, PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk PBAPP bertukar status kepada Perkhidmatan Air Negara melalui inisiatif penstrukturan semula. PBAPP memegang lesen individu perkhidmatan dan kemudahan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). PBAPP adalah pengendali tunggal bekalan air ke seluruh negeri Pulau Pinang.

4.1.2. PBAPP merupakan syarikat milik penuh PBA Holdings Bhd. (PBAHB) iaitu sebuah syarikat yang telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia dalam tahun 2002. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memegang 65.0% saham dalam PBAHB. Modal dibenarkan bagi PBAPP adalah berjumlah RM300,000,001 manakala modal berbayar pula terdiri daripada saham biasa berjumlah RM165,114,082 dan RM1 'Special Rights Redeemable Preference Share' (SRRPS) yang dipegang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. SRRPS membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan keputusan penting yang melibatkan operasi Syarikat adalah konsisten dengan polisi Kerajaan Negeri. PBAPP dianggotai oleh 10 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang. Pengurusan PBAPP pula diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 1,252 orang kakitangan.

4.1.3. Visi PBAPP adalah memenuhi semua keperluan air pengguna manakala misi pula adalah menjadi sebuah organisasi terkemuka dalam perkhidmatan bekalan air. Aktiviti utama PBAPP adalah menjalankan perniagaan pembekalan air merangkumi merawat air mentah, membekal dan menjual air terawat kepada pengguna. Sehingga bulan Disember 2014, perkhidmatan bekalan air terawat yang diberi oleh PBAPP adalah meliputi 100% kawasan bandar dan 99.7% kawasan luar bandar di seluruh negeri Pulau Pinang. Bilangan pengguna berdaftar adalah seramai 561,811 terdiri daripada 484,118 pengguna domestik dan 77,693 pengguna perdagangan (*trade*).

4.1.4. PBAPP telah memperoleh 2 pinjaman berjangka tanpa cagaran dan faedah daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM44 juta bagi membiayai program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW). Pinjaman pertama yang dibuat pada bulan Januari 2012 berjumlah RM20 juta akan mula dibayar pada bulan September 2016 manakala pinjaman kedua yang dibuat pada bulan Oktober 2014 berjumlah RM24 juta akan dibayar mulai bulan Disember 2018. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah 20 tahun. Jumlah keseluruhan pengeluaran pinjaman sehingga bulan Disember 2014 adalah RM30 juta.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Semakan dilakukan terhadap Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965 (Akta 125), fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan PBAPP bagi tahun 2012 hingga 2015. Analisis kewangan dilaksanakan terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 untuk menilai prestasi kewangan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai PBAPP. Lawatan juga telah dibuat ke Loji Rawatan Air Sungai Dua, Makmal Pusat Sungai Dua, Rumah Pam Air Mentah Lahar Tiang, Rumah Pam dan Kolam Takungan Bukit Dumber, Empangan Bukit Panchor, Loji Rawatan Air Bukit Panchor, Kolam Takungan Bukit Panchor, Rumah Pam Sungai Kechil, Loji Rawatan Air Bukit Mertajam, Kolam Takungan Bukit Mertajam, Rumah Pam Bukit Mertajam dan Rumah Pam Berapit. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP telah diadakan pada 4 Februari 2016.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei 2015 dan Ogos 2015 mendapati prestasi kewangan PBAPP adalah baik manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Selain pencapaian kadar air tidak berhasil (NRW) dan kadar rizab kapasiti pengeluaran air yang baik, pengurusan aktiviti dalam beberapa aspek yang lain mempunyai kelemahan-kelemahan berikut:

- Parameter florida tidak mematuhi kadar piawaian yang ditetapkan dalam *National Standard For Drinking Water Quality*.
- Pemasangan meter bekalan air bagi akaun baru lewat dibuat iaitu melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Jumlah tunggakan bil bekalan air meningkat manakala tindakan mendapatkan balik tunggakan kurang memuaskan.
- Bacaan anggaran bil bekalan air dibuat melebihi 3 kitaran berturut-turut.
- Aduan lewat diselesaikan melebihi tempoh *Service Level Agreement* yang ditetapkan. Manakala berlaku kelewatan mengemas kini status pelaksanaan kerja dalam Sistem *Service Alliance* setelah kerja selesai dilaksanakan.
- Pengurusan penyenggaraan aset bekalan air kurang memuaskan, proses pencucian *scum* di loji rawatan air (LRA) tidak dilaksanakan mengikut jadual dan pembaikan peralatan yang rosak mengambil masa yang lama. Selain itu, *Magnetic Flow Meter*

yang dibeli dengan harga RM0.38 juta pada bulan Januari 2013 masih belum dipasang.

- *Remote Terminal Unit* (RTU) masih belum dapat diintegrasikan sepenuhnya dalam sistem rangkaian *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA).
- Pengurusan bayaran tidak mematuhi *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ditetapkan.
- Pengurusan Aset yang tidak memuaskan antaranya aset tidak di label serta kelewatan melupuskan aset dan inventori setelah hapus kira diluluskan.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. PBAPP memperoleh pendapatan melalui aktiviti utamanya iaitu jualan air bersih, sumbangan dari *trunk mains* dan surcaj pemuliharaan air. Pada tahun 2012, pendapatan utama PBAPP berjumlah RM243.81 juta dan meningkat sejumlah RM7.21 juta atau 3.0% kepada RM251.02 juta dan pada tahun berikutnya terus meningkat sejumlah RM9.37 juta atau 3.7% kepada RM260.39 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan pendapatan bagi surcaj pemuliharaan air dan jualan air.
- b. Selain pendapatan utama, pendapatan PBAPP terdiri daripada lain-lain pendapatan operasi dan pendapatan faedah. Lain-lain pendapatan operasi meliputi pendapatan pelbagai, keuntungan daripada kerja pelbagai dan penjualan pelaburan serta kutipan sewa yang mencatatkan peningkatan dari RM10.68 juta pada tahun 2012 kepada RM13.65 juta pada tahun berikutnya. Pendapatan ini terus meningkat kepada RM16.83 juta pada tahun 2014. Pendapatan pelbagai adalah penyumbang utama kepada peningkatan ini. Manakala pendapatan faedah menurun dari RM2.09 juta pada tahun 2012 kepada RM1.93 juta pada tahun 2013 dan RM1.16 juta pada tahun berikutnya disebabkan oleh pengurangan faedah bagi pelaburan simpanan tetap.
- c. Perbelanjaan PBAPP terdiri daripada kos jualan dan perbelanjaan pentadbiran. Kos jualan merangkumi emolumen dan *factory overhead* manakala perbelanjaan pentadbiran antaranya adalah susut nilai, kos penyenggaraan, sewa, keusangan (*obsolescence*), insurans, caj kewangan dan emolumen. Pada tahun 2013 kos jualan meningkat sejumlah RM6.79 juta atau 3.8% kepada RM183.20 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu sejumlah RM176.41 juta. Kos jualan terus meningkat sejumlah RM12.25 juta atau 6.7% kepada RM195.45 juta pada tahun 2014. Peningkatan berterusan dalam kos jualan disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan *factory overhead* terutamanya perbelanjaan bagi penggunaan tenaga. Sementara itu, perbelanjaan pentadbiran menurun sejumlah RM0.74 juta atau 1.4% dari RM54.63 juta pada tahun 2012 kepada RM53.89 juta pada tahun 2013 disebabkan penurunan perbelanjaan terutamanya susut nilai. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014

perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM2.21 juta atau 4.1% kepada RM56.1 juta. Perbelanjaan keusangan (*obsolescence*) merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ini.

- d. Pada tahun 2012, PBAPP telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM25.54 juta dan meningkat sejumlah RM3.97 juta atau 15.5% kepada RM29.51 juta pada tahun 2013. Peningkatan keuntungan ini disebabkan oleh pertambahan pendapatan Syarikat. Bagaimanapun pada tahun 2014, keuntungan telah menurun sejumlah RM2.68 juta atau 9.1% kepada RM26.83 juta. Walaupun jumlah pendapatan meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun 2013, keuntungan sebelum cukai menurun kerana peningkatan dalam kos jualan terutamanya perbelanjaan *factory overhead*.
- e. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan bersih PBAPP adalah seperti di **Jadual 4.1**. Keuntungan bersih PBAPP yang direkodkan adalah sebelum mengambil kira pembayaran dividen bagi tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM16.51 juta setahun.


Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan	243.81	251.02	260.39
Kos Jualan	-176.41	-183.20	-195.45
Untung Kasar	67.40	67.82	64.94
Perbelanjaan Pentadbiran	-54.63	-53.89	-56.10
Lain-lain Pendapatan Operasi	10.68	13.65	16.83
Keuntungan Operasi	23.45	27.58	25.67
Pendapatan Faedah	2.09	1.93	1.16
Untung Sebelum Cukai	25.54	29.51	26.83
Cukai (Belanja)/ Pendapatan	5.39	0.50	-0.81
Keuntungan Bersih	30.93	30.01	26.02
Keuntungan Terkumpul	359.88	373.38	382.89

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.


- f. Trend untung sebelum cukai dan trend pendapatan serta perbelanjaan PBAPP adalah seperti di **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Carta 4.1
Trend Untung Sebelum Cukai Dan Keuntungan
Terkumpul Bagi Tahun Kewangan
2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PBAPP dengan lebih jelas, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Bil.	Nisbah Kewangan	Tahun Kewangan		
		2012	2013	2014
1.	Nisbah Semasa	0.52:1	0.40:1	0.39:1
2.	Margin Untung Bersih	10%	11.1%	9.6%
3.	Pulangan Atas Aset	0.03:1	0.03:1	0.03:1
4.	Pulangan Atas Ekuiti	0.04:1	0.05:1	0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar Nisbah Semasa PBAPP adalah antara 0.39:1 dan 0.52:1. Kadar nisbah telah menurun dari 0.52:1 pada tahun 2012 kepada 0.40:1 pada tahun 2013 dan 0.39:1 pada tahun 2014 disebabkan oleh penurunan jumlah aset semasa Syarikat dan peningkatan tanggungan semasa. Kadar Nisbah Semasa berada pada tahap kurang memuaskan kerana menunjukkan penurunan setiap tahun.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan Margin Untung Bersih menunjukkan peningkatan kecekapan syarikat di mana setiap kenaikan hasil memberi nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2012 Margin Untung Bersih Syarikat adalah 10% dan telah meningkat kepada 11.1% pada tahun 2013. Namun Margin Untung Bersih telah menurun kepada 9.6% pada tahun 2014 disebabkan oleh penurunan keuntungan. Kadar nisbah adalah di tahap memuaskan.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan sebelum cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah pada kadar 0.03:1. Walaupun menunjukkan pulangan positif ke atas setiap ringgit aset digunakan namun kadar nisbah adalah di tahap kurang memuaskan.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2012 adalah 0.04:1 dan meningkat kepada 0.05:1 pada tahun 2013. Bagaimanapun pada tahun 2014 Nisbah Pulangan Atas Ekuiti menurun kepada 0.04:1 seperti tahun 2012. Kadar nisbah berada pada tahap kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan PBAPP adalah di tahap baik kerana Syarikat meraih keuntungan setiap tahun dan mencatat peningkatan dalam keuntungan terkumpul.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Sebagai pengendali tunggal perkhidmatan bekalan air ke seluruh negeri Pulau Pinang, PBAPP adalah bertanggungjawab memastikan tiada gangguan bekalan air, menjamin kepuasan kepada pelanggan, melaksanakan pembangunan sumber air yang teratur dan tepat pada masanya serta mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Sehingga bulan Disember 2014, PBAPP menguruskan 4 empangan, 9 loji rawatan air (LRA), 58 reservoir/kolam takungan, 41 tangki air bersih dan 90 rumah pam. Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti Syarikat mendapati perkara berikut:

4.4.2.1. Rizab Kapasiti Pengeluaran Air Yang Tinggi

Bagi memastikan pengeluaran air terawat yang mencukupi untuk penduduk negeri Pulau Pinang, PBAPP menyediakan 9 LRA yang mempunyai reka bentuk pengeluaran air sebanyak 1,497 juta liter sehari. Manakala kapasiti pengeluaran air bagi 9 loji tersebut adalah 1,000.6 juta liter sehari. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, penggunaan sebenar air di negeri Pulau Pinang adalah antara 794 dan 813 juta liter sehari. LRA Sungai Dua adalah loji utama dan terbesar dengan kapasiti reka bentuk pengeluaran air 1,114 juta liter sehari. Menurut PBAPP, LRA Sungai Dua menyalurkan 82.6% air terawat kepada penduduk negeri Pulau Pinang. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, purata pengeluaran air terawat di 9 LRA adalah 66.8%. Ini menunjukkan PBAPP masih mempunyai rizab kapasiti pengeluaran air sebanyak 33.2%. Selain itu, pihak Audit mendapati kesemua 9 LRA masih belum mencapai 90% penggunaan. Tiga LRA iaitu Air Itam, Guillemard dan Batu Ferringhi pula masih belum mencapai 50% pengeluaran air. Rizab kapasiti pengeluaran air ini menunjukkan PBAPP masih dapat memenuhi peningkatan terhadap permintaan bekalan air. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kapasiti Pengeluaran Loji Rawatan Air Pada Bulan Disember 2014

Bil.	Loji Rawatan Air	Reka Bentuk Pengeluaran (Juta Liter/Hari)	Kapasiti Pengeluaran (Juta Liter/Hari)	Penggunaan LRA (%)
1.	Air Itam	73	24.3	33.3
2.	Guillemard	80	36.3	45.4
3.	Waterfall	18	12.3	68.3
4.	Sungai Pinang	25	12.8	51.2
5.	Batu Ferringhi	120	44.7	37.3
6.	Penang Hill	1	0.6	60
7.	Sungai Dua	1,114	826.3	74.2
8.	Bukit Toh Allang	55	33.5	60.9
9.	Bukit Panchor	11	9.8	89.1
Jumlah		1,497	1,000.6	66.8

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

4.4.2.2. Kadar Air Tidak Berhasil Yang Baik

Air Tidak Berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW) adalah jumlah kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil kepada Syarikat. Secara teknikal, NRW adalah jumlah pengeluaran air terawat yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dikeluarkan bil menggunakan meter dan penggunaan yang dikeluarkan bil tanpa meter. Kadar NRW yang rendah menunjukkan

kecekapan pengurusan operator pengeluaran air. PBAPP mencatat kadar NRW yang baik bagi 3 tahun berturut-turut untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014 iaitu antara 17.6% dan 18.3% berbanding kadar kebangsaan antara 35.6% dan 36.6%. Kadar ini adalah yang terendah dan terbaik di Malaysia. Semakan Audit mendapati PBAPP telah berjaya mencapai kadar NRW yang lebih rendah berbanding sasaran Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang ditetapkan pada tahun 2012. Namun, terdapat sedikit peningkatan kadar NRW pada tahun 2014 iaitu 18.3% berbanding 17.6% sasaran KPI yang ditetapkan. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Pencapaian Kadar Air Tidak Berhasil
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Kadar NRW (%)		
	KPI		Kebangsaan
	Sasaran	Pencapaian	
2012	18.0	17.6	36.4
2013	18.2	18.2	36.6
2014	17.6	18.3	35.6

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

4.4.2.3. Pengurusan Kualiti Air Terawat

a. Kualiti Air Terawat Mematuhi Standard *Quality Assurance Program*

- i. Bagi membekalkan air terawat yang berkualiti dan selamat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan Standard Kualiti Air yang perlu dipatuhi bagi ujian persampelan Kumpulan I, II, III dan IV. Ujian persampelan dijalankan di *basic station* iaitu muka sauk loji rawatan air, *treatment plant outlet* (TPO) dan *service reservoir outlet* (SRO) serta di sistem agihan. Kekekapan persampelan adalah mengikut kumpulan sama ada secara mingguan, bulanan atau setiap 3 bulan sekali. Manakala di bawah *Quality Assurance Program* (QAP), 5 parameter pematuhan ditetapkan iaitu bagi E.coli & Baki Klorin, E.coli, Kekeruhan, Baki Klorin dan Aluminium. Kadar ketidakpatuhan mestilah kurang daripada peratus yang ditetapkan. Selain itu, walaupun parameter pematuhan florida tidak diletakkan di bawah standard QAP namun kandungan florida perlu dipantau agar mematuhi paras yang ditetapkan oleh *National Standard For Drinking Water Quality*. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Standard Yang Ditetapkan Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
Di Bawah Quality Assurance Program

Bil.	Parameter	Kumpulan	Standard QAP (% Ketidakpatuhan)	Standard Kualiti Air (mg/l)
1.	E.coli & Baki Klorin	I	< 0.2	Tidak Hadir
2.	E.coli	I	< 0.4	Tidak Hadir
3.	Kekeruhan	I	< 2.0	5 NTU
4.	Baki Klorin	I	< 2.3	0.2 - 5.0
5.	Aluminium	II	< 10.2	0.2
6.	Florida	II	-	0.4 - 0.6

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia
 Nota: NTU - *Nephelometric Turbidity Unit*

- ii. PBAPP mempunyai 209 lokasi pengujian (*Sampling Point Location*) terdiri daripada 15 *raw water point* dan 23 *basic point* serta 171 *auxiliary point*. Kualiti air dipantau oleh KKM dengan menjalankan ujian di semua lokasi pengujian. Ujian kualiti air juga dilaksanakan oleh PBAPP di makmal pusat LRA Sungai Dua yang diiktiraf oleh Jabatan Standards Malaysia dan mendapat pengiktirafan MS ISO/IEC 17025. Pencapaian ujian sampel air terawat yang dijalankan oleh KKM secara bulanan bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.6**. Semakan Audit terhadap Laporan Mutu Kawalan Air yang dikeluarkan oleh KKM mendapati peratus ketidakpatuhan QAP bagi parameter E.coli & Baki Klorin dan Aluminium menunjukkan trend penurunan dari tahun 2012 hingga 2014. Manakala peratus bagi parameter Kekeruhan dan Baki Klorin menunjukkan peningkatan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya dan menurun pada tahun 2014. Sementara itu, peratus parameter E.coli pula menurun pada tahun 2013 dan meningkat semula pada tahun berikutnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya PBAPP telah melepasi standard peratusan ketidakpatuhan QAP dalam tempoh 3 tahun berturut-turut.

Jadual 4.6
Pencapaian Quality Assurance Program Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Parameter (%)	Agensi	Tahun/Sampel								
			2012			2013			2014		
			Bil. Diuji	Ketidakpatuhan		Bil. Diuji	Ketidakpatuhan		Bil. Diuji	Ketidakpatuhan	
	(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)			
1.	E.coli & Baki Klorin QAP = < 0.2	PBAPP	3,256	0	0.0	3,257	0	0.0	3,097	0	0.0
2.		KKM	3,287	3	0.1	3,338	1	0.03	3,202	0	0.0
3.	E.coli QAP = < 0.4	PBAPP	3,256	9	0.3	3,257	0	0.0	3,097	1	0.03
4.		KKM	3,287	4	0.1	3,338	2	0.1	3,202	5	0.2
5.	Kekeruhan QAP = < 2.0	PBAPP	3,256	11	0.3	3,257	15	0.5	3,097	4	0.1
6.		KKM	3,287	11	0.3	3,338	16	0.5	3,202	4	0.1
7.	Baki Klorin QAP = < 2.3	PBAPP	3,256	24	0.7	3,257	42	1.3	3,097	5	0.2
8.		KKM	3,287	19	0.6	3,338	45	1.3	3,202	5	0.2
9.	Aluminium QAP = < 10.2	PBAPP	3,256	29	0.9	3,257	4	0.1	3,097	3	0.1
10.		KKM	521	44	8.4	602	38	6.3	559	30	5.4

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

b. Pelanggaran Parameter Florida

- i. Penambahan florida dalam air minuman adalah bagi mengurangkan masalah *dental carries* terutamanya di kalangan kanak-kanak. Mengikut *National Standard For Drinking Water Quality*, kadar piawaian yang ditetapkan untuk parameter florida adalah antara 0.4 dan 0.6 mg/l. Manakala florida yang berlebihan pula akan menyebabkan masalah *dental flourisis* di samping masalah lain terhadap buah pinggang, tiroid, kelenjar dan organ. Semakan Audit terhadap laporan ringkasan pelanggaran kualiti air bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati sebanyak 1,095 pelanggaran parameter florida bagi ujian yang telah dijalankan oleh KKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,050 kes mencatatkan pelanggaran parameter florida kurang daripada 0.4 mg/l dan 45 kes yang lain mencatatkan pelanggaran parameter florida melebihi 0.6 mg/l. Pelanggaran parameter florida meningkat pada setiap tahun iaitu 345 kes pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya sebanyak 338 kes. Manakala pada tahun 2014 jumlah pelanggaran tersebut terus meningkat kepada 412 kes atau 19.4% berbanding tahun 2013. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Daerah Timur Laut mencatatkan jumlah pelanggaran tertinggi sebanyak 362 kes diikuti oleh Daerah Seberang Perai Utara sebanyak 298 kes. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.7**. Di samping itu, pengauditan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada bulan September 2014 juga melaporkan pelanggaran parameter florida berdasarkan ujian kualiti air yang dilaksanakan. Menurut PBAPP, pelanggaran parameter florida berlaku disebabkan oleh julat piawaian yang ditetapkan oleh KKM terlalu kecil. Dalam jangka masa panjang pelanggaran terhadap parameter florida boleh menyebabkan peningkatan masalah seperti kerosakan, kehilangan dan penampalan gigi.

Jadual 4.7
Pelanggaran Parameter Florida Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Daerah	Bilangan Pelanggaran Mengikut Tahun						Jumlah
		2012		2013		2014		
		<0.4 mg/l	>0.6 mg/l	<0.4 mg/l	>0.6 mg/l	<0.4 mg/l	>0.6 mg/l	
1.	Timur Laut	104	0	110	13	134	1	362
2.	Barat Daya	44	1	61	0	70	1	177
3.	Seberang Perai Utara	89	2	83	5	114	5	298
4.	Seberang Perai Tengah	56	10	34	0	57	0	157
5.	Seberang Perai Selatan	31	1	38	1	25	5	101
Jumlah Lebihan		324	14	326	19	400	12	1,095
Jumlah Keseluruhan		338		345		412		

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, pelanggaran parameter florida adalah disebabkan julat piawaian yang terlalu kecil di antara 0.4 - 0.6 ppm yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berbanding dengan piawaian yang ditetapkan oleh *World Health Organization (WHO)* iaitu kurang dari 1.5 ppm (*Guidelines for Drinking Water Quality - 4th Edition*). Perkara ini telah dibangkitkan kepada pihak SPAN dan KKM agar julat piawaian ini dibesarkan atau menerima pakai piawaian WHO sedangkan bagi parameter kualiti air yang lain pihak KKM mengikut piawaian WHO.

4.4.2.4. Kelewatan Pemasangan Meter Akaun Baru

- a. Mengikut Piagam Pelanggan, pemasangan meter bekalan air akan disempurnakan dalam masa 3 hari bekerja selepas wang cagaran dijelaskan. Semakan Audit terhadap data sistem e-PBA mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014, daripada 85,012 akaun baru yang telah dijelaskan bayaran cagaran sebanyak 36,000 akaun atau 42.3% melibatkan bayaran cagaran berjumlah RM5.43 juta lewat dibuat pemasangan meter dalam tempoh antara 2 dan 875 hari seperti di **Jadual 4.8**. Semakan lanjut mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Daerah Timur Laut mencatat bilangan meter lewat dipasang paling tinggi iaitu 10,338 meter atau 28.7% diikuti dengan Daerah Barat Daya sebanyak 7,770 meter atau 21.6%. Sementara itu, Daerah Seberang Perai Selatan mencatatkan bilangan terendah meter lewat dipasang iaitu sebanyak 4,224 meter atau 11.7%. Menurut PBAPP, kelewatan ini disebabkan oleh tiada penghuni di rumah dan *meter position* yang tidak sempurna. Pemasangan meter yang mengambil tempoh masa yang lama boleh memberi kesulitan kepada pemohon dan boleh menyebabkan berlakunya kes kecurian air.

Jadual 4.8
Tempoh Kelewatan Pemasangan Meter Bagi Akaun Baru

Tahun	Bilangan Pengguna Yang Membayar Cagaran	Meter Lewat Dipasang			Bilangan Meter Lewat Dipasang (Setelah Ditolak 3 Hari Bekerja)						
		(Bil.)	(%)	Jumlah Cagaran (RM Juta)	2-100 Hari	101-200 Hari	201-300 Hari	301-400 Hari	401-500 Hari	501-600 Hari	Melebihi 600 Hari
2012	27,338	12,696	46.4	1.76	9,787	518	412	520	500	367	592
2013	27,017	10,703	39.6	1.64	8,634	576	569	503	298	110	13
2014	30,657	12,601	41.1	2.03	11,733	556	270	42	-	-	-
Jumlah	85,012	36,000	42.3	5.43	30,154	1,650	1,251	1,065	798	477	605

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, kelewatan pemasangan meter adalah disebabkan oleh tapak meter yang tidak lengkap bagi skim perumahan yang telah siap yang kebanyakannya terdedah kepada kecurian. Selain itu, dari aspek sistem pihak Syarikat akan memperbaiki statistik sedia ada dengan mengambil kira status siap kerja fizikal berdasarkan tarikh dan masa sebenar.

Pada pendapat Audit pengurusan pemasangan meter baru adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan bagi menjamin kepuasan pengguna.

4.4.2.5. Pengurusan Pengebilan Bekalan Air

Pengurusan pengebilan bekalan air merangkumi proses pengeluaran bil, kutipan bil dan pengendalian tunggakan. Pengeluaran bil dibuat mengikut kitaran berdasarkan kekerapan pembacaan meter iaitu secara bulanan atau 2 bulan sekali. Di samping itu, bil anggaran dikeluarkan apabila pembacaan meter tidak dapat dilaksanakan. Pembayaran bil boleh dibuat di 9 kaunter khidmat pelanggan dan melalui agen kutipan yang dilantik. Semakan Audit terhadap pengurusan pengebilan bekalan air mendapati perkara berikut:

a. Pengurusan Tunggakan Hasil Air

SOP *Debts Recovery* PBAPP menetapkan bayaran bekalan air perlu dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh penyerahan bil. Pengguna yang gagal membuat bayaran akan diberi notis bertulis dan selepas 14 hari tindakan pemotongan bekalan akan dibuat. Sekiranya tunggakan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, Jabatan Kewangan akan merujuk kepada Unit Undang-undang untuk tindakan. Tunggakan hasil air terdiri dari akaun aktif dan akaun tidak aktif. Akaun aktif adalah akaun pengguna yang masih menerima bekalan air. Akaun ini termasuk akaun *main meter* dan *hydrant* meter yang tidak dapat dibuat pemotongan air. Manakala akaun tidak aktif adalah akaun pengguna yang telah dihentikan bekalan air selepas pemotongan bekalan dibuat.

i. Peningkatan Tunggakan Hasil Air

- Sehingga bulan Disember 2014, tunggakan hasil air PBAPP berjumlah RM19 juta merangkumi akaun aktif dan tidak aktif. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013 tunggakan meningkat sejumlah RM0.35 juta atau 2% kepada RM17.78 juta berbanding RM17.43 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah tunggakan terus meningkat sejumlah RM1.22 juta atau 6.9% kepada RM19 juta pada tahun 2014. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.9**. Peningkatan tunggakan ini menyebabkan sasaran Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang ditetapkan bagi prestasi kutipan hasil tidak tercapai walaupun kutipan hasil air PBAPP bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah antara RM246.28 juta dan RM262.15 juta iaitu antara 99.3% dan 110.2% berbanding nilai bil yang dikeluarkan.

Jadual 4.9
Tunggakan Hasil Air Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Akaun Aktif		Akaun Tidak Aktif		Jumlah	
	Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)	Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)	Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)
2012	201,630	17.12	5,143	0.31	206,773	17.43
2013	208,363	17.47	5,418	0.31	213,781	17.78
2014	210,249	18.66	6,546	0.34	216,795	19.00

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- Berdasarkan data pengumuran akaun bagi tempoh sehingga 31 Disember 2014, daripada jumlah tunggakan RM19 juta sejumlah RM18.66 juta terdiri dari akaun aktif dan sejumlah RM0.34 juta akaun tidak aktif. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan tertinggi yang masih belum dapat dikutip adalah yang berusia 2 tahun ke bawah berjumlah RM12.52 juta bagi 216,764 akaun. Manakala tunggakan kedua tertinggi yang belum dapat dikutip adalah bagi 122 akaun berjumlah RM2.43 juta yang berusia melebihi 6 tahun. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Pengumuran Tunggakan Sehingga 31 Disember 2014

Bil.	Tempoh	Akaun Aktif		Akaun Tidak Aktif		Jumlah	
		Bil. Akaun	Jumlah (RM)	Bil. Akaun	Jumlah (RM)	Bil. Akaun	Jumlah (RM)
1.	2 tahun ke bawah	210,249	12,183,871	6,515	335,919	216,764	12,519,790
2.	3 hingga 4 tahun	685	2,140,922	5	236	690	2,141,158
3.	5 hingga 6 tahun	145	1,906,205	2	100	147	1,906,305
4.	Melebihi 6 tahun	98	2,431,502	24	1,304	122	2,432,806
Jumlah			18,662,500		337,559		19,000,059

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, pengurusan tunggakan hasil air adalah berdasarkan SOP. Tindakan tegas akan diambil kepada pengguna yang mempunyai tunggakan yang tinggi. PBAPP akan melaksanakan proses-proses pengurusan tunggakan seperti yang dinyatakan di dalam SOP.**
- ii. **Tindakan Mendapatkan Balik Tunggakan Kurang Memuaskan**
- Mengikut SOP *Debts Recovery* tunggakan akaun aktif yang melebihi RM1,000 dan lebih dari 2 tahun perlu dirujuk ke Unit Undang-undang. Manakala menurut SOP *Debts Recovery* bagi akaun aktif *Main Meter*, Jabatan Kewangan akan merujuk akaun tertunggak kepada Unit Undang-undang setelah segala usaha untuk mengutip tunggakan gagal dibuat. Semakan Audit terhadap data pengumuran sehingga bulan Disember 2014 mendapati 156 akaun aktif berjumlah RM9.30 juta mempunyai tunggakan melebihi RM1,000 dan berusia melebihi 2 tahun. Daripada jumlah tersebut

130 akaun terdiri dari *main meter* dengan jumlah tunggakan RM8.88 juta, 23 akaun *hydrant meter* dengan jumlah tunggakan RM0.41 juta dan 3 akaun pengguna individu berjumlah RM10,653.

- Proses kerja Unit Undang-undang menetapkan arahan kepada panel peguam PBAPP untuk mengeluarkan Notis Tuntutan (NOD) perlu dibuat dalam tempoh satu hari dari tarikh kes dirujuk oleh Jabatan Kewangan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Jun 2015 sebanyak 74 akaun dengan tunggakan terkumpul berjumlah RM7.25 juta telah dirujuk ke Unit Undang-undang. Semakan Audit terhadap rekod *Status Main Meter Account (Legal Case)* yang diselenggarakan oleh Jabatan Kewangan mendapati daripada jumlah tersebut sebanyak 50 akaun berjumlah RM5.55 juta telah dikeluarkan NOD manakala 24 akaun dengan jumlah tunggakan RM1.70 juta tidak dapat dikeluarkan NOD disebabkan alamat tidak lengkap.
- Semakan lanjut mendapati daripada 50 akaun tersebut, sebanyak 41 akaun berjumlah RM5.05 juta lewat dikeluarkan arahan kepada panel peguam bagi tempoh antara 20 dan 74 hari dari tarikh kes dirujuk ke Unit Undang-undang. Sementara itu, bagi 9 akaun lagi pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh arahan dikeluarkan kepada panel peguam kerana tiada tarikh yang direkodkan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.11**. Kelewatan mengeluarkan arahan kepada panel peguam akan menyebabkan NOD lewat dikeluarkan dan seterusnya menjejaskan kutipan tunggakan dari penghutang.

Jadual 4.11
Tempoh Kelewatan Mengeluarkan Arahan Kepada Panel Peguam

Tahun	Akaun Yang Dirujuk		Tarikh Dirujuk Ke Unit Undang-undang	NOD Dikeluarkan		Tarikh Arahan Kepada Panel Peguam	Tempoh Kelewatan (Hari)
	Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)		Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)		
2012	-	-	-	-	-	-	-
2013	33	2.20	16.10.2013	9	0.50	TM	TM
2014	31	4.27	13.03.2014	31	4.27	03.04.2014	20
	10	0.78	26.11.2014	10	0.78	09.02.2015	74
Jumlah	74	7.25		50	5.55		

Sumber: Jabatan Kewangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
TM: Tiada Maklumat

- Selain itu, daripada 50 NOD yang dikeluarkan sebanyak 42 NOD telah berjaya diserahkan. Daripada jumlah tersebut, tiada tindakan susulan yang diambil terhadap 33 akaun dengan jumlah tunggakan RM4.52 juta manakala 9 akaun lagi menunggu arahan untuk tindakan saman. Bagi 24 akaun yang tidak dapat dikeluarkan NOD, pihak Audit mendapati tindakan susulan iaitu lawatan ke premis hanya dibuat pada bulan Ogos 2015 selepas 488 hari dari tarikh dirujuk ke Unit Undang-undang.

- Pihak Audit juga mendapati Unit Undang-undang tidak mempunyai SOP berkaitan pengurusan tunggakan bil bekalan air. Unit Undang-undang juga tidak menyediakan terma dan syarat bagi pelantikan panel peguam yang mewakili PBAPP untuk memastikan kepentingan PBAPP dilindungi.
- **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, tindakan melawat premis adalah merupakan satu cadangan yang dikemukakan oleh Unit Undang-undang untuk memperoleh butir-butir yang berkaitan bagi kes-kes di mana maklumat adalah tidak lengkap. Cadangan untuk melawat premis khususnya bagi kes-kes sedemikian telah diperkenalkan sebagai satu langkah SOP di samping tindakan carian rasmi di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pejabat Pendaftaran. Sementara itu, SOP Unit Undang-undang adalah dalam proses penelitian oleh pihak pengurusan sebelum kelulusan dapat diberikan.**
- **Manakala panel peguam yang dilantik adalah syarikat guaman yang dikendalikan oleh peguam-peguam bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan bidang guaman seperti mana yang dikehendaki di bawah undang-undang yang berkuat kuasa. Keputusan menerima masuk ke panel Syarikat ini dibuat setelah pihak pengurusan berpuas hati terhadap maklumat-maklumat yang dikemukakan dalam profil firma dan salinan sijil praktis yang dibekalkan oleh peguam yang memohon.**

b. Pengeluaran Bil Anggaran Melebihi 3 Kitaran Berturut-turut

- i. PBAPP membuat pengagihan pembacaan meter mengikut blok berdasarkan kepada jumlah penggunaan bulanan pengguna. Terdapat 2 jenis blok iaitu Blok 1 hingga Blok 18 dan Blok 22. Pembacaan meter dan pengeluaran bil air dibuat mengikut kitaran iaitu 2 bulan sekali bagi Blok 1 hingga Blok 18 dan satu bulan sekali bagi Blok 22. Bil anggaran akan dikeluarkan sekiranya bacaan biasa tidak dapat dibuat disebabkan halangan antaranya cuaca buruk, rumah berkunci, meter rosak, tiada meter dan rumah kosong. Semakan Audit mendapati pengeluaran bil anggaran bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah sebanyak 245,972 bil iaitu 75,095 bil pada tahun 2012 dan 89,490 bil pada tahun berikutnya. Manakala pengeluaran bil pada tahun 2014 adalah sebanyak 81,387 bil. Selain itu, menurut amalan PBAPP bil anggaran akan dikeluarkan tidak lebih dari 3 kitaran bacaan meter sahaja. Setelah itu, Jabatan Operasi perlu mengambil tindakan susulan bagi memastikan bacaan sebenar meter dapat dibuat untuk kitaran berikutnya. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 11,777 akaun pengguna telah dikeluarkan bil anggaran melebihi 3 kitaran berturut-turut iaitu antara 4 dan 6 kitaran bagi 11,437 akaun pengguna Blok 1 hingga Blok 18 manakala bagi 340 akaun Blok 22, antara 4 dan 12 kitaran. Perkara ini berlaku kerana tiada SOP diwujudkan bagi menggariskan tindakan susulan yang perlu diambil selepas pengeluaran bil

anggaran. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.12**. Pengeluaran bil secara anggaran akan menyebabkan hasil sebenar PBAPP tidak dapat ditentukan.

Jadual 4.12
Bil Anggaran Yang Dikeluarkan Melebihi 3 Kitaran Berturut-Turut

Bilangan Kitaran Berturut-turut	Bilangan Akaun Pengguna							
	Blok 1 Hingga Blok 18				Blok 22			
	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	Jumlah	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	Jumlah
4	1,309	1,801	1,628	4,738	39	57	32	128
5	748	769	848	2,365	23	39	17	79
6	1,259	1,487	1,588	4,334	19	12	11	42
7	-	-	-	-	20	9	1	30
8	-	-	-	-	17	15	9	41
9	-	-	-	-	4	-	1	5
10	-	-	-	-	2	2	1	5
11	-	-	-	-	1	1	1	3
12	-	-	-	-	2	2	3	7
Jumlah	3,316	4,057	4,064	11,437	127	137	76	340

Sumber: Data e-PBA Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertariikh 3 Februari 2016, secara amnya pengeluaran bil anggaran adalah melibatkan rumah kosong/tidak berpenghuni/berkunci yang lebih fokus kepada Daerah Timur Laut yang kebanyakan kediaman adalah berkonsepkan rumah pangsa. Paip penurun (*dropper/submain*) yang disambung dengan kedudukan meter bagi rumah pangsa lama terletak di dalam kawasan berpagar dan ini menyukarkan pembacaan meter. Beberapa langkah alternatif telah diambil bagi menangani masalah bacaan anggaran melibatkan rumah kosong seperti berikut:**
- **Pembacaan meter dilanjutkan ke waktu petang selepas waktu kerja normal dan juga pada hari Sabtu serta Ahad.**
 - **Meninggalkan kad pesanan bagi mendapatkan kerjasama pengguna.**
 - **Memalam meter pada sambungan namun hanya sesuai bagi premis individu dan bukan rumah pangsa.**

Pada pendapat Audit, PBAPP perlu mengambil tindakan dengan lebih agresif bagi mengurangkan jumlah tunggakan sedia ada. Selain itu, sasaran bacaan anggaran perlu ditetapkan supaya bil dapat dikeluarkan kepada pengguna berdasarkan penggunaan sebenar.

4.4.2.6. Pengurusan Aduan

Bagi menjamin kepuasan pengguna, PBAPP telah menetapkan *Service Level Agreement* (SLA) iaitu tempoh masa bagi menyelesaikan setiap aduan yang diterima daripada pelanggan. Terdapat 13 kategori aduan antaranya tiada bekalan air, tekanan air, paip

pecah, kualiti air dan pertukaran meter. Sistem *Service Alliance* (SA) dibangunkan untuk mengautomatiskan perkhidmatan pelanggan dan operasi dengan fungsi utama menguruskan arahan kerja luar, mengagihkan tugas, mewujudkan arahan kerja secara puka dan mengemas kini maklumat pelaksanaan kerja. Selain itu, sistem ini menjana laporan statistik bagi memantau penyelesaian aduan.

a. Kelewatan Menyelesaikan Aduan

- i. Semakan Audit dibuat terhadap 2 kategori aduan iaitu tiada bekalan air (*no water*) dan paip pecah (*broken*). Berdasarkan SLA yang ditetapkan, tempoh masa bagi menyelesaikan aduan tiada bekalan air adalah 24 jam manakala aduan paip pecah pula adalah 3 hari. Laporan statistik PBA-SA016 yang dijana dari sistem SA menunjukkan bilangan aduan yang dilaporkan, bilangan aduan dilaksanakan dan tempoh penyelesaian aduan kurang atau sama dengan 7 hari. Pihak Audit mendapati ruangan tempoh penyelesaian aduan dalam laporan tersebut tidak selaras dengan tempoh SLA yang ditetapkan iaitu 24 jam dan 3 hari. Bagi tahun 2012 hingga 2014, daripada 146,285 aduan kes tiada bekalan air dan paip pecah sebanyak 129,528 aduan atau 88.5% diselesaikan dalam tempoh kurang atau sama dengan 7 hari. Pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh sebenar aduan diselesaikan serta pematuhan terhadap SLA yang ditetapkan. Semakan lanjut mendapati sebanyak 16,757 aduan atau 11.5% lewat diselesaikan iaitu melebihi 7 hari. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.13**. Perkara ini akan menyebabkan kesulitan kepada pengguna.

Jadual 4.13
Kelewatan Menyelesaikan Aduan Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Kategori Aduan	Bilangan Aduan	Tempoh Masa Penyelesaian Aduan			
			≤ 7 hari	(%)	> 7 hari	(%)
2012	Tiada Bekalan Air	4,644	3,689	79.4	955	20.6
	Paip Pecah	43,371	38,939	89.8	4,432	10.2
2013	Tiada Bekalan Air	4,120	3,346	81.2	774	18.8
	Paip Pecah	46,376	39,581	85.3	6,795	14.7
2014	Tiada Bekalan Air	4,747	3,979	83.8	768	16.2
	Paip Pecah	43,027	39,994	93.0	3,033	7.0
Jumlah		146,285	129,528	88.5	16,757	11.5

Sumber: Rekod Sistem *Service Alliance* Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, pada asasnya kerja-kerja fizikal telah diselesaikan. Kelewatan tersebut adalah disebabkan kriteria sistem yang mengambil kira pengemaskinian keseluruhan *Service Request* yang melibatkan pengemaskinian dokumen kerja dan juga transaksi meter serta barangan yang digunakan. Proses ini tidak mengambil kira penyelesaian secara fizikal dan tertakluk kepada keseluruhan penghantaran dokumen kerja yang perlu melalui beberapa**

proses sebelum bahagian pengemaskinian (*Second Liner*) dapat mengemas kini dokumen tersebut mengikut *Service Request*. PBAPP akan memperbaiki statistik sedia ada dengan mengambil kira status siap kerja fizikal berdasarkan tarikh dan masa sebenar. Penambahbaikan ini akan menggambarkan status fizikal sebenar pencapaian menangani aduan tiada bekalan air dan paip pecah.

b. Kelewatan Mengemas Kini Status Kerja Selesai

- i. Jabatan Operasi bertanggungjawab mengemas kini status aduan dalam sistem SA setelah kerja selesai dilaksanakan. Bagi mengemas kini status aduan dalam sistem, Borang A yang mengandungi maklumat seperti nombor aduan, lokasi, jenis kerosakan dan tarikh selesai akan dikemukakan oleh Unit *Distribution* kepada Unit *Second Liner* setelah kerja selesai dilaksanakan. Menurut Jabatan Operasi, laporan yang dijana dari sistem SA iaitu Statistik Mengikut Jenis Aduan (PBA-SA016), *Service And Helpdesk Order Status Report* (PBA-015) dan *Outstanding Task List* digunakan untuk memantau status pelaksanaan kerja yang dibuat adalah mengikut tempoh SLA yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap sampel Borang A tahun 2013 dan 2014 bagi Daerah Timur Laut dan Barat Daya mendapati daripada 1,457 aduan sebanyak 1,260 atau 86.5% lewat dikemas kini status pelaksanaan kerja dalam Sistem *Service Alliance* antara 8 dan 85 hari setelah kerja selesai dilaksanakan seperti di **Jadual 4.14**. Perkara ini berlaku kerana kelewatan penyerahan Borang A oleh Unit *Distribution* kepada Unit *Second Liner*. Kelewatan ini menyebabkan laporan yang dijana tidak menunjukkan prestasi sebenar penyelesaian aduan dan menyukarkan pemantauan terhadap pematuhan SLA oleh Jabatan Operasi.

Jadual 4.14

Kelewatan Mengemas Kini Status Pelaksanaan Kerja Dalam Sistem *Service Alliance*

Tahun	Bulan	Daerah	Jumlah Aduan	Jumlah Aduan Yang Lewat Dikemas Kini		Tempoh Kelewatan (Hari)
				Bil. Akaun	(%)	
2013	Disember	Barat Daya	197	161	81.7	8 hingga 22
		Timur Laut	272	267	98.2	8 hingga 85
2014	Mac	Barat Daya	314	263	83.8	8 hingga 26
		Timur Laut	269	262	97.4	9 hingga 46
	Jun	Barat Daya	186	96	51.6	8 hingga 23
		Timur Laut	219	211	96.3	8 hingga 18
Jumlah			1,457	1,260	86.5	

Sumber: Jabatan Operasi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, Jabatan Operasi akan memantau dengan lebih terperinci dan memperbaiki kelemahan sedia ada bagi memastikan penyerahan Borang A dan dokumen-dokumen berkaitan menepati tempoh masa yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, laporan statistik dari sistem *Service Alliance* perlu selaras dengan *Service Level Agreement* yang ditetapkan bagi memudahkan pemantauan.

4.4.2.7. Pengurusan Penyenggaraan

a. Sasaran Yang Ditetapkan Bagi Penyenggaraan Aset Bekalan Air Tidak Dapat Dicapai

- i. Sebagai pemegang lesen kemudahan yang dikeluarkan oleh SPAN, PBAPP bertanggungjawab ke atas pengurusan penyenggaraan aset bekalan air. SPAN telah menetapkan kriteria *Regulatory* Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) manakala sasaran pencapaian KPI tersebut ditentukan oleh PBAPP. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 PBAPP berjaya mencapai semua sasaran *Regulatory* KPI penyenggaraan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2013 pencapaian KPI adalah kurang dari sasaran yang ditetapkan iaitu antara 45.5% dan 86.2% untuk pencucian paip, penggantian meter, penggantian paip dan penggantian *valve*. Sementara itu, bagi tahun 2014 hanya KPI penggantian *valve* mencapai sasaran manakala pencucian paip, penggantian meter dan penggantian paip tidak mencapai sasaran antara 15.6% dan 89.3%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.15**. Penyenggaraan aset bekalan air yang kurang dilaksanakan boleh menjejaskan kualiti air dan kadar NRW.

Jadual 4.15
Pencapaian Penyenggaraan Aset Bekalan Air Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	KPI	Jenis Penyenggaraan			
		Pencucian Paip (Km)	Penggantian Meter (Saiz >15mm) (Unit)	Penggantian Paip (Saiz >100mm) (Km)	Penggantian Valve (Saiz > 450mm) (Unit)
2012	Sasaran	4,741	7,427	30	110
	Pencapaian	4,998	23,065	30	110
	Peratus Pencapaian	105.4%	310.6%	100%	100%
2013	Sasaran	5,500	33,000	30	110
	Pencapaian	4,741.2	20,135	19.84	50
	Peratus Pencapaian	86.2%	61.0%	66.1%	45.5%
2014	Sasaran	6,000	32,000	30	110
	Pencapaian	934.45	19,738	26.8	110
	Peratus Pencapaian	15.6%	61.7%	89.3%	100%

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, mengikut *Regulatory* KPI SPAN, penggantian *valve* yang dimaksudkan adalah lebih merujuk kepada penyenggaraan injap (*valve*). Bagi tahun 2013 dan 2014, sasaran pencapaian KPI adalah kurang berbanding dengan pencapaian 2012 adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut mengikut skop penyenggaraan aset:**

- Bagi pencucian paip, sasaran pencapaian berkurang adalah disebabkan penangguhan kerja-kerja pencucian paip (pembuangan air) disebabkan faktor cuaca kemarau sebagai langkah mengurangkan pembaziran air. Namun, dari aspek kualiti air dan aduan berkaitan, Jabatan Operasi sentiasa memantau dan menjalankan kerja-kerja pencucian paip berdasarkan aduan dan keperluan bagi sesuatu kawasan.
- Sementara itu, sasaran pencapaian bagi penggantian meter adalah terjejas disebabkan jumlah kuantiti yang perlu diganti pada ketika itu berbanding dengan tenaga kerja sedia ada. Pendekatan yang diambil dalam menangani masalah pencapaian penggantian meter adalah seperti penambahan tenaga kerja selaras dengan pertambahan akaun pengguna dan pemberian insentif dalam usaha mempertingkatkan produktiviti kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan meter termasuk penggantian meter.
- Bagi penggantian paip pula, sasaran penggantian paip adalah terjejas disebabkan oleh faktor-faktor seperti proses tender semula akibat kegagalan menyiapkan kerja oleh kontraktor dan kesukaran untuk memperoleh permit pemotongan jalan daripada pihak berkuasa jalan (JKR/MBPP/MPSP).

b. Proses Pencucian *Scum* Tidak Dilaksanakan Mengikut Jadual

- i. Proses rawatan air mentah di loji rawatan air (LRA) akan mengakibatkan *scum* terhasil di atas permukaan air. Pencucian *scum* di tangki flokulasi perlu dilakukan secara berjadual supaya kawasan loji sentiasa dalam keadaan bersih dan mengelakkan *scum* terkumpul. Menurut PBAPP, pencucian *scum* di LRA Sungai Dua dilaksanakan secara rutin setiap hari. Bagaimanapun, lawatan Audit ke LRA Sungai Dua pada 5 Ogos 2015 mendapati pencucian *scum* yang terkumpul tidak dilaksanakan mengikut jadual sehingga menyebabkan terdapat tumbuhan di atas *scum* seperti di **Gambar 4.1**. Pencucian *scum* yang tidak dibuat juga telah ditegur oleh SPAN pada tahun 2014. Pengumpulan *scum* yang terlalu banyak boleh menyebabkan keadaan tangki flokulasi kotor dan kelihatan tidak terurus.

Gambar 4.1
Keadaan Scum Yang Terkumpul Dan Terdapat Tumbuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, pencucian scum tidak dibuat kerana terdapat kerja-kerja yang bersangkutan dengan Package 12, di mana pencucian tangki sedimentasi dihentikan buat sementara sehingga Disember 2015. Pembentukan scum di permukaan air merupakan proses biasa terutamanya bagi loji berkapasiti tinggi. Scum ini dibersihkan mengikut jadual setiap hari.**
- c. **Pembaikan Peralatan Yang Rosak Mengambil Masa Yang Lama**
- i. Penyenggaraan mesin atau peralatan mekanikal dan elektrik perlu dilaksanakan dengan segera sekiranya berlaku kerosakan bagi memastikan sistem bekalan air dalam keadaan baik. Lawatan Audit ke LRA Sungai Dua dan Stesen Pemantauan Kualiti Air Mentah Pokok Sena pada 5 Ogos 2015 mendapati peralatan seperti *Oil Sensor* dan *Auto Trash* telah rosak seperti di **Gambar 4.2** dan **Gambar 4.3**. Sehingga bulan Ogos 2015, tempoh kerosakan bagi *Oil Sensor* adalah 5 bulan manakala tempoh kerosakan *Auto Trash* tidak dapat ditentukan kerana maklumat tarikh kerosakan sebenar tidak dikemukakan. Walau bagaimanapun, komponen yang rosak bagi peralatan tersebut telah dihantar untuk pembaikan pada bulan Februari dan April 2015. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.16**. *Oil Sensor* berfungsi mengesan kandungan minyak dalam air mentah manakala *Auto Trash* pula digunakan untuk kerja pencucian sampah sarap secara automatik di *raw water intake*. Kerosakan *Oil Sensor* dan *Auto Trash* menyebabkan pemantauan kualiti air mentah tidak dapat dibuat sepenuhnya dan pencucian sampah sarap di *raw water intake* perlu dilaksanakan secara manual oleh pekerja PBAPP.

Gambar 4.2
Oil Sensor Dalam Proses Pembaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stesen Pemantauan Kualiti Air Mentah Pokok Sena
Tarikh: 5 Ogos 2015

Gambar 4.3
Auto Trash Dalam Proses Pembaikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

Jadual 4.16
Peralatan Yang Rosak Dan Dalam Proses Pembaikan

Lokasi	Jenis Peralatan Rosak	Tarikh Perolehan	Kos Peralatan (RM)	Tarikh Kerosakan	Tarikh Hantar Untuk Pembaikan	Tempoh Kerosakan Sehingga Ogos 2015 (Bulan)
LRA Sungai Dua	<i>Oil Sensor</i>	29.04.2014	65,000	Februari 2015	Februari 2015	5
	<i>Auto Trash</i>	10.02.2006	15,900	TM	April 2015	TM

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

- ii. Bagi LRA Bukit Panchor terdapat 2 unit motor pam yang menyalurkan air mentah dari Sungai Kechil ke Empangan Bukit Panchor. Lawatan Audit ke Rumah Pam Air Mentah Sungai Kechil pada 6 Ogos 2015 mendapati kedua-dua pam tersebut yang diperolehi pada tahun 2010 telah rosak seperti di **Gambar 4.4** dan **Gambar 4.5**. Menurut PBAPP, kerosakan berlaku pada 3 Ogos 2015 dan 5 Ogos 2015 serta masih dalam proses pembaikan. Satu unit motor pam ganti disediakan tetapi kapasitinya yang kecil tidak dapat mengepam air yang mencukupi ke Empangan Bukit Panchor. Kerosakan kedua-dua motor pam pada tempoh yang sama boleh memberi kesan kepada paras air di empangan tersebut.

Gambar 4.4
Pam Air Mentah Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Air Mentah Sungai Kechil
Tarikh: 6 Ogos 2015

Gambar 4.5
Pam Air Mentah Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Air Mentah Sungai Kechil
Tarikh: 6 Ogos 2015

- iii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, kos penggantian melebihi RM50,000 memerlukan pembelian dibuat mengikut SOP yang ditetapkan dan mengambil masa. Oil Sensor ini telah digantikan pada November 2015. Auto Trash telah dihantar untuk kerja-kerja pembaikan kepada ejen tunggal. Surat tawaran dikeluarkan pada 15 Januari 2015 dan Auto Trash telah dibawa ke bengkel pembekal pada 9 April 2015. Pihak pembekal masih lagi menunggu alat ganti dari Jerman selepas menerima bayaran pertama dari PBAPP pada Disember 2015. Kerja-kerja dijangka siap pada bulan April 2016. Manakala pam di Rumah Pam Sungai Kechil telah beroperasi pada September 2015.**

d. **Remote Terminal Unit Masih Belum Diintegrasikan Dalam Sistem Rangkaian Supervisory Control And Data Acquisition**

- i. Sistem rangkaian *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) dengan medium *Remote Terminal Unit* (RTU) sebagai perantaraan data maklumat dibangunkan bagi tujuan pemantauan operasi dan penyenggaraan sistem bekalan air. SCADA dapat membantu operator bekalan air membuat keputusan dan tindakan dengan lebih cepat bagi mengelakkan kegagalan sistem. PBAPP telah menggunakan SCADA mulai tahun 2009 dengan kos perolehan RM0.50 juta dan sehingga bulan Ogos 2015 sebanyak 19 RTU dibangunkan. Pengawasan SCADA dibuat di LRA Sungai Dua dan pejabat PBAPP atau di mana-mana lokasi sekiranya mempunyai akses yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati 9 daripada 19 RTU masih belum dapat diintegrasikan kerana masih dalam proses membangunkan data dan grafik, kerosakan instrumentasi dan juga proses naik taraf manakala satu RTU telah ditutup seperti di **Jadual 4.17**. RTU yang tidak di integrasi menyebabkan pemantauan atas talian tidak dapat dilaksanakan.

Jadual 4.17
Status Supervisory Control And Data Acquisition di Remote Terminal Unit

Bil.	RTU	Status	Catatan
1.	Rumah Pam Bukit Dumar	Belum Diintegrasikan	Dalam proses membangunkan data dan grafik bagi R1 (tangki 1), <i>Flow and Total Flow</i> untuk Jalan Haji Ahmad dan Jalan Thomas
2.	Rumah Pam Machang Bubuk	Berintegrasikan	TB
3.	Kolam Takungan Bukit Indera Muda	Berintegrasikan	TB
4.	Rumah Pam Bukit Mertajam	Berintegrasikan	TB
5.	Rumah Pam Bayan Lepas	Tutup	Sudah tidak diguna pakai kerana rumah pam yang baharu telah dibangunkan iaitu Rumah Pam Bukit Gedong
6.	Rumah Pam Bukit Gedong	Berintegrasikan	TB
7.	Inventec	Belum Diintegrasikan	Proses pembaikan alat sedang dijalankan
8.	Rumah Pam Farlim	Berintegrasikan	TB
9.	Weld Quay	Belum Diintegrasikan	Protokol baru sedang dalam proses iaitu " <i>HART PROTOCOL</i> " bagi pemantauan <i>Total Flow</i>
10.	Macallum Street Ghaut	Belum Diintegrasikan	Protokol baru sedang dalam proses iaitu " <i>HART PROTOCOL</i> " bagi pemantauan <i>Total Flow</i>
11.	LRA Sungai Dua	Belum Diintegrasikan	Instrumentasi masih lagi dalam proses mengumpul data dan maklumat untuk dimasukkan dalam perisian dan sistem
12.	Rumah Pam Padang Brown	Belum Diintegrasikan	Instrumentasi rosak dan dalam proses pembaikan
13.	Rumah Pam Teluk Kumbar	Berintegrasikan	TB
14.	Rumah Pam Bukit Minyak	Berintegrasikan	TB
15.	Rumah Pam Lahar Tiang	Berintegrasikan	TB
16.	Stesen Kualiti Air Mentah Pokok Sena	Belum Diintegrasikan	Instrumentasi rosak dan dalam proses pembaikan
17.	Kolam Takungan Pulau Jerejak	Belum Diintegrasikan	Kolam 1 tiada masalah pemantauan tetapi Kolam 2 grafik siap dibuat bagi pembangunan yang akan datang.
18.	Rumah Pam Penang Hill	Berintegrasikan	TB
19.	Empangan Mengkuang	Belum Diintegrasikan	Dalam proses menaik taraf di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Nota: TB - Tidak Berkaitan

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, pengintegrasian SCADA hanya dibuat ke atas RTU utama dalam sistem rangkaian kerana integrasi sedia ada adalah memadai. Pemantauan telah dilaksanakan ke atas RTU utama dan kritikal. Pihak PBAPP sedang menaik taraf SCADA sedia ada kepada SCADA versi 7 yang membolehkan pemantauan *real-time* dibuat melalui telefon pintar ke atas RTU yang dikenal pasti. SCADA versi 7 ini dijangka perlaksanaannya pada Mac 2016. Pengintegrasian SCADA secara keseluruhan telah dimulakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2017.**

e. **Magnetic Flow Meter Belum Dipasang**

- i. *Magnetic Flow Meter* di LRA Sungai Dua yang berusia 23 tahun dilaporkan oleh pembekal telah usang dan perlu diganti. Perancangan penggantian ini telah dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan sejak tahun 2012. Oleh itu, pembelian 5 unit *Magnetic Flow Meter* telah dibuat pada bulan Januari 2013 dengan kos berjumlah RM0.38 juta bagi menggantikan *flow meter* tersebut. Lawatan Audit ke LRA Sungai Dua pada 5 Ogos 2015 mendapati *Magnetic Flow Meter* masih belum dipasang seperti di **Gambar 4.6** dan **Gambar 4.7**. Menurut PBAPP, penggantian masih tidak dapat dilaksanakan kerana saluran utama bekalan air ke seluruh Pulau Pinang terpaksa ditutup dan boleh menyebabkan gangguan bekalan air yang melibatkan 80% pengguna. Semakan Audit mendapati tempoh jaminan (*warranty period*) yang diberikan oleh pembekal terhadap *Magnetic Flow Meter* tersebut adalah 12 bulan dan telah tamat. *Magnetic Flow Meter* yang usang dan tidak diganti boleh menjejaskan ketepatan pengiraan kadar air tidak berhasil (NRW).

Gambar 4.6
Magnetic Flow Meter Yang Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

Gambar 4.7
Magnetic Flow Meter Yang Belum Dipasang



Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

- ii. **Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016, permohonan penutupan sementara loji akan dicadangkan kepada Kerajaan Negeri apabila terdapat kerja-kerja penyambungan paip-paip utama bagi meningkatkan infrastruktur bekalan air di negeri Pulau Pinang termasuk kerja-kerja memasang *Magnetic Flow Meter* di loji Sungai Dua. Cadangan tarikh penutupan sementara loji adalah pada musim hujan iaitu antara bulan Ogos hingga November 2016. Walaupun tempoh jaminan telah tamat, PBAPP masih mendapat perkhidmatan selepas jualan daripada pihak pengeluar dan pembekal kerana jenama yang dibekalkan adalah jenama yang banyak digunakan di PBAPP disebabkan kualiti dan prestasi yang baik (*reputable brand*).**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PBAPP secara keseluruhannya adalah memuaskan.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

4.4.3.1. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Seksyen 156 dan 157 Akta Syarikat menyatakan semua minit mesyuarat perlu disediakan, disimpan oleh syarikat di pejabat berdaftar, ditandatangani dan dibukukan bagi tujuan pemeriksaan. Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah PBAPP telah bermesyuarat sebanyak 5 kali pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013 dan 2014 mesyuarat telah diadakan sebanyak 6 kali. Walau bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah kerana tidak diserahkan untuk pengauditan.

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Audit Dalam

PBAPP telah menubuhkan *Audit and Risk Management Committee* (ARMC) untuk meningkatkan kawalan terhadap pengurusan Syarikat. Manakala Unit Audit Dalaman (UAD) ditubuhkan dan berperanan melaksanakan pengauditan dalaman meliputi pelbagai aktiviti Syarikat. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014 UAD telah mensasarkan 74 rancangan pengauditan. Daripada jumlah tersebut 22 pengauditan yang dirancang telah dilaksanakan. Di samping itu, sebanyak 12 pengauditan *ad-hoc* telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Semua laporan yang dikeluarkan telah dibentangkan kepada ARMC.

4.4.3.3. Standard Operating Procedure (SOP)

SOP merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. PBAPP mempunyai SOP berkaitan pengurusan kewangan seperti pembayaran gaji, panjar wang runcit, pembayaran, kutipan, pengurusan aset dan lain-lain. Di samping itu, SOP bagi pengurusan aktiviti Syarikat juga telah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

4.4.3.4. Perancangan Strategik/Indeks Petunjuk Prestasi (KPI)

- a. Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya serta membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat

memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif. Semakan Audit mendapati PBAPP telah menyediakan Pelan Perniagaan untuk tempoh 3 tahun mulai tahun 2013 hingga tahun 2016 untuk dikemukakan kepada SPAN bagi tujuan memperbaharui Lesen Individu. Pelan Perniagaan ini juga merupakan perancangan strategik jangka masa panjang dan telah dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah PBAPP.

- b. Kriteria bagi KPI untuk aktiviti utama Syarikat ditetapkan oleh SPAN (*Regulatory KPI*) merangkumi KPI Perkhidmatan dan KPI Kemudahan manakala sasaran KPI ditentukan oleh PBAPP. Pencapaian KPI dibentangkan kepada SPAN setiap suku tahun dan laporan pencapaian juga dikemukakan. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI Perkhidmatan telah meningkat pada tahun 2013 sebanyak 6.8% berbanding tahun sebelumnya tetapi menurun sebanyak 20.6% pada tahun 2014. Manakala pencapaian KPI Kemudahan menurun pada tahun 2013 sebanyak 26.0% berbanding tahun sebelumnya. Status pencapaian KPI seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18
Status Pencapaian KPI Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jenis KPI	Kriteria KPI		Pencapaian KPI (%)
		Bilangan Ditetapkan	Bilangan Dicapai	
2012	Perkhidmatan	32	27	84.4
	Kemudahan	18	17	94.4
2013	Perkhidmatan	34	31	91.2
	Kemudahan	19	13	68.4
2014	Perkhidmatan	34	24	70.6
	Kemudahan	19	13	68.4

Sumber: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

4.4.3.5. *Corporate Integrity Pledge Dan Integrity Pact*

Mengikut amalan terbaik, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Integriti Malaysia menggalakkan *Corporate Integrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah. Semakan Audit mendapati PBAPP telah melaksanakan *Corporate Integrity Pledge* dan *Corporate Integrity Pact* dalam urusan perolehan.

4.4.3.6. **Dividen**

Mengikut amalan terbaik, pembayaran dividen perlu dibuat kepada Syarikat Induk sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 hingga 2014, 10% dividen berjumlah RM16.51 juta telah dibayar kepada PBA Holdings Berhad untuk setiap tahun.

4.4.3.7. Pengurusan Kewangan

a. Pengurusan Bayaran

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 96 sampel baucar bayaran telah dipilih dan semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Sebanyak 7 baucar bayaran asal berjumlah RM3.83 juta tidak diserahkan untuk pengauditan.
- ii. Sebanyak 59 *Purchase Order* (PO) berjumlah RM113,059 melibatkan 5 baucar bayaran lewat disediakan antara tempoh 36 hari dan 486 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima.
- iii. Tempoh masa yang lama telah diambil iaitu antara 10 hari dan 322 hari untuk mengeluarkan PO setelah *Purchase Requisition* (PR) disediakan yang melibatkan 34 PO berjumlah RM34,891.

b. Berdasarkan maklum balas PBAPP bertarikh 17 Februari 2016:

- i. Baucar bayaran asal difailkan mengikut nombor cek. Tujuh sampel baucar bayaran yang tidak dijumpai di dalam fail bayaran dikhuatiri difailkan secara berasingan setelah diambil keluar untuk tujuan penyemakan oleh Audit Dalaman ataupun Audit Luaran. Setelah baucar bayaran dikembalikan baucar tersebut tidak diletakkan semula di fail yang asal. Bagi mengatasi masalah tersebut berulang, Jabatan Kewangan akan memastikan semua baucar bayaran difailkan dengan kadar segera. Sekiranya diambil keluar dari fail, ia akan direkodkan. Setelah dikembalikan, baucar tersebut akan diletak semula dalam fail yang asal dan rekod akan dikemas kini.
- ii. PBAPP mengakui berlakunya kelewatan dalam penyediaan *Purchase Order* untuk barangan yang telah dibekalkan. Walaupun berlaku kelewatan, PBAPP akan memastikan semua pembelian yang dibuat dapat diselesaikan dengan proses yang lengkap iaitu melalui *Purchase Requisition* dan *Purchase Order*. Jabatan berkenaan akan dimaklumkan agar perkara ini tidak berulang lagi. Pembelian ini melibatkan penyenggaraan dan kecemasan di mana Ketua Jabatan boleh meluluskan pembelian tidak lebih dari RM5,000 untuk setiap transaksi. Untuk pembelian yang melebihi RM5,000 kelulusan akan diperoleh daripada pihak atasan iaitu Ketua Divisyen dan Ketua Pegawai Eksekutif. PBAPP sentiasa mencuba untuk membuat penambahbaikan mutu kerja dari semasa ke semasa. SOP terbaru yang berkuat kuasa pada 2 Februari 2016 telah menetapkan tempoh masa yang harus dipatuhi iaitu *Purchase Order* mesti disediakan dalam tempoh 7 hari selepas *Purchase Requisition* diluluskan. PBAPP mengambil serius akan hal ini dan akan memastikan ia tidak akan berulang.

4.4.3.8. Pengurusan Aset

Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, PBAPP telah membuat perolehan aset berjumlah RM261 juta. Manakala jumlah aset PBAPP sehingga Disember 2014 adalah RM871.84 juta. PBAPP mempunyai SOP mengenai pengurusan aset bagi memastikan semua aset milik Syarikat dikawal dengan sempurna. Semakan Audit terhadap pengurusan aset PBAPP mendapati perkara berikut:

a. Aset Tidak Dilabel

Mengikut SOP, Jabatan Kewangan akan mengeluarkan nombor siri pendaftaran aset setelah pembelian aset dibuat. Label *barcode* aset akan dicetak oleh Unit Aset Tetap dan diberi kepada penyelaras aset (*asset coordinator*) yang bertanggungjawab untuk melabel aset tersebut. Pemeriksaan Audit terhadap 10 aset di LRA Sungai Dua pada 5 Ogos 2015 mendapati 2 aset iaitu *Motor 11 KV Sieman Pam* dan *Sodimade Lime Feeder* tidak dilabel seperti di **Gambar 4.8** dan **Gambar 4.9**. Selain itu, semakan Audit mendapati senarai penyelaras aset yang bertanggungjawab bagi setiap Jabatan tidak dikemas kini memandangkan terdapat pegawai yang disenaraikan telah meletak jawatan atau berpindah ke Jabatan lain.

Gambar 4.8
Motor 11 KV Sieman Pam Tidak Dilabel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

Gambar 4.9
Sodimade Lime Feeder Tidak Dilabel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

b. Kelewatan Melupuskan Aset Dan Inventori Setelah Hapus Kira Diluluskan

- i. Aset yang telah mencapai jangka hayat kegunaan ekonomik dan inventori yang usang, rosak atau tidak bergerak serta tidak ekonomik digunakan perlu dilupuskan dengan teratur mengikut polisi syarikat. Mengikut SOP *Board Of Survey* (BOS), aset dan inventori boleh dihapus kira dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) setelah disyorkan oleh BOS. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 dan 2014 sebanyak 1,494,736 unit aset dan inventori dengan nilai buku berjumlah RM0.70 juta telah dihapus kira oleh

PBAPP. Pendapatan yang diperoleh dari aset yang telah dihapus kira berjumlah RM0.28 juta. Semakan lanjut terhadap 13 daripada 19 syor hapus kira BOS mendapati proses hapus kira telah dilaksanakan mengikut SOP namun berlaku kelewatan melupuskan aset dan inventori antara 56 dan 589 hari dari tarikh kelulusan hapus kira. Perkara ini berlaku kerana SOP tidak menetapkan tempoh masa bagi melupuskan aset dan inventori yang telah diluluskan untuk dihapus kira. Kelewatan melupuskan aset dan inventori ini boleh menyebabkan penurunan nilai serta berkemungkinan berlaku kehilangan atau kecurian.

- ii. Selain itu, lawatan Audit ke Bukit Dumbar pada 3 Ogos 2015 mendapati peralatan Panel Kawalan yang diletakkan di luar Rumah Pam masih dalam proses hapus kira seperti di **Gambar 4.10**. Manakala lawatan Audit ke LRA Sungai Dua pada 5 Ogos 2015 mendapati aset belum dihapus kira seperti di **Gambar 4.11**. Menurut PBAPP, aset tersebut telah ditempatkan di kawasan berkenaan bagi tempoh melebihi 3 tahun dan permohonan hapus kira masih belum dibuat.

Gambar 4.10
Panel Kawalan Masih Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pam Bukit Dumbar
Tarikh: 3 Ogos 2015

Gambar 4.11
Aset Yang Masih Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Sungai Dua
Tarikh: 5 Ogos 2015

- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Februari 2016, PBAPP mengakui berlakunya kelewatan dalam melupuskan aset dan inventori yang telah diluluskan untuk dihapus kira. PBAPP akan menambah baik SOP sedia ada dengan menetapkan tempoh masa bagi melupuskan aset yang telah dihapus kira. Kelewatan juga adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab (*Quantity Surveyor*) meletak jawatan dan pegawai yang menggantinya mengambil lebih masa untuk mengendalikan kerja pelupusan aset tersebut. PBAPP akan memastikan hal ini tidak akan berulang lagi dengan menambah baik SOP sedia ada bagi menetapkan tempoh masa untuk proses jualan.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PBAPP adalah di tahap memuaskan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. dapat dipertingkatkan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Memastikan pemasangan meter bagi akaun baru dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.

4.5.2. Mengambil tindakan undang-undang ke atas pengguna yang mempunyai tunggakan yang tinggi dan lama.

4.5.3. Memastikan semua *Remote Terminal Unit* (RTU) dalam *Supervisory Control And Data Acquisition* (SCADA) diintegrasikan sepenuhnya bagi membolehkan pemantauan secara atas talian dilaksanakan secara berkesan.

4.5.4. Mempertingkatkan kawalan terhadap pengurusan bayaran dan kawalan ke atas pengurusan aset Syarikat terutama daripada aspek pelabelan dan pelupusan.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/ AGENSI NEGERI

Pada tahun 2015, banyak usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Penambahbaikan Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penambahbaikan yang telah dilaksanakan
1.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none">i. Mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan berdasarkan sistem pengurusan berkualiti MS ISO 9001:2008 dan 1900: 2005 bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi.ii. Mengadakan naziran secara berkala di semua pejabat agama daerah dan masjid daerah untuk mengukuhkan pengurusan organisasi di peringkat daerah.

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penambahbaikan yang telah dilaksanakan									
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	i. Beberapa peringatan melalui mesyuarat dan memo telah dikeluarkan oleh Pengarah Veterinar Negeri Pulau Pinang kepada semua Ketua Daerah dan Ketua Bahagian bagi mencegah dari berlakunya penyelewengan wang awam.									
3.	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	i. Penambahbaikan Proses Penilaian Tender <ul style="list-style-type: none"> • Memperketatkan proses penilaian tender dengan penilaian dibuat oleh 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan • Tiga syarikat yang mengemukakan tawaran terbaik berdasarkan syor Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Perolehan ii. Mekanisme Pemulihan Projek Sakit <ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan KPI mengikut peratusan kemajuan projek <table style="margin-left: 20px; border: none;"> <tr> <td>- Hijau</td> <td>=</td> <td>100% hingga -15%</td> </tr> <tr> <td>- Kuning</td> <td>=</td> <td>-16% hingga -25%</td> </tr> <tr> <td>- Merah</td> <td>=</td> <td>-25% dan ke bawah</td> </tr> </table> * sekiranya mencapai tahap merah disebabkan kelewatan kontraktor/kegagalan perunding akan dikenakan tindakan. • Pemantauan Projek Secara Berkala <ul style="list-style-type: none"> - mesyuarat tapak diadakan 2 minggu sekali - setelah mencapai tahap kuning maka kekerapan mesyuarat diadakan setiap minggu • Penamatan Kontrak (sekiranya terjadi) <ul style="list-style-type: none"> - Pelantikan kontraktor baru akan dilaksanakan secepat mungkin berdasarkan kepada nilai tender kedua terendah daripada senarai pendek (keputusan MLP Khas) - Bagi Perunding, maka lantikan baru akan dibuat dalam tempoh terdekat iii. Pungutan Hasil Cukai Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan kaunter bergerak yang membuat kutipan bil-bil majlis setiap hari di lokasi pasar, kompleks penjaja, kawasan perumahan dan tapak penjaja bagi menggalakkan pembayaran dan memberikan kemudahan kepada orang ramai. • Mewujudkan kios pembayaran 24 jam 7 hari seminggu di Padang Kota Lama untuk memudahkan orang ramai menjelaskan bayaran selepas waktu pejabat dan bagi orang ramai yang melancong di Pulau Pinang menjelaskan bil majlis 	- Hijau	=	100% hingga -15%	- Kuning	=	-16% hingga -25%	- Merah	=	-25% dan ke bawah
- Hijau	=	100% hingga -15%									
- Kuning	=	-16% hingga -25%									
- Merah	=	-25% dan ke bawah									

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penambahbaikan yang telah dilaksanakan
		<ul style="list-style-type: none"> • Mengaturkan 'Klinik Tunggakan Cukai Taksiran' di mana pemilik harta yang mempunyai tunggakan dijemput hadir bagi berbincang berkenaan masalah yang dihadapi dan kaedah pembayaran yang bersesuaian agar tunggakan dapat diselesaikan. • Melantik agen kutipan tunggakan yang akan menguruskan kutipan tunggakan 5 tahun ke atas bagi akaun tertentu yang sukar dituntut oleh pihak majlis. • Menyediakan saluran pembayaran bil secara atas talian/<i>online</i> untuk kemudahan para pembayar.

Sumber: Jabatan/Agensi Negeri

5.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 5.2** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 5.3
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 5.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, perolehan, pengurusan akaun amanah dan deposit, pengurusan kenderaan, pengurusan aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- 5.4.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun kewangan 2015, pengauditan telah dijalankan di 10 Jabatan/Agensi Negeri yang mana Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dijalankan pengauditan setiap tahun manakala 9 Jabatan/Agensi Negeri yang lain adalah berdasarkan pusingan 3 tahun sekali. Pengauditan ini telah dijalankan mulai bulan Oktober 2015 hingga Februari 2016 dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

5.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 7 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Jabatan. Bagi 3 Agensi Negeri, selain 8 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

5.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a.** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b.** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, 69,101 dan 102 adalah berkaitan.
- c.** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai

bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.

- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang ke arah kecemerlangan organisasi.

5.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut seperti yang ditetapkan di bawah AP 309 dijalankan secara berkala tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Pemeriksaan hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan seperti kehendak Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 10 Disember 2013. Hasil pemeriksaan tersebut perlu direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan ialah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap Pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan

pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2015 oleh setiap jabatan dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2014. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan ditetapkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2015. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

5.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan

mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek Negeri Pulau Pinang (SPPN) atau kaedah lain yang diterima pakai serta impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

5.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

5.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan

oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.6.3.5. Akaun Belum Terima

Mengikut Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang Bil. 4 Tahun 2015, semua Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Penyata Tunggakan Hasil dan mengemukakan kepada Unit Hasil Negeri dengan salinannya kepada Pengarah Audit Negeri sebelum atau pada 5 Januari 2016. Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

5.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.5.1. Perakaunan

Surat Pekeliling Pegawai Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2012 menghendaki laporan-laporan yang dijana melalui sistem difailkan mengikut penjenisan untuk memudahkan rujukan dan penyemakan. Manakala Arahan Perbendaharaan 95(e) menjelaskan Buku Vot Elektronik hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. Tanggungan dan perbelanjaan dicatat dengan

betul. Selain itu, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan hendaklah disediakan dengan lengkap, tepat dan betul serta dikemukakan ke Jabatan Kewangan Negeri pada setiap bulan iaitu tidak lewat daripada 10 hari bulan berikutnya.

5.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

5.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

5.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 14 Tahun 2008. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri daripada segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a.** Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b.** Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c.** Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d.** Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2013.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

5.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan stok perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

5.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 1.1 : Pendahuluan Pengurusan Aset, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

5.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.2 : Penerimaan, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Antara tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, 1 salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh Pegawai Penerima. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

5.6.7.3. Pendaftaran

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.3 : Pendaftaran, menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.4: Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri bersama Laporan Eksekutif Pengurusan Aset di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api. Penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan. Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan. Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.7.5. Penyelenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyelenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyelenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyelenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyelenggaraan dinilai dan penyelenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.5 : Penyelenggaraan adalah berkaitan.

5.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.6 : Pelupusan, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 orang pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

5.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.7: Kehilangan Dan Hapus Kira, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal.

5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

5.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.

5.6.8.2. Penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.

5.6.8.3. Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

5.6.8.4. Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.8.5. Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyelenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

5.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

5.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

5.6.10. Penyata Kewangan


Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan. Surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri [JKNPP/(S)/07/14/32/1 Jld.6 (1)] pada tahun 2009 menghendaki penyata kewangan dikemukakan ke Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun berikutnya.

5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Merujuk kepada Pekeliling Ketua Audit Negara Bil.1 Tahun 2016, setara dengan penarafan agensi lain, Jabatan Audit Negara menaikkan tahap penarafan cemerlang Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti daripada 4 bintang kepada 5 bintang. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 10 Jabatan/Agensi Negeri. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2015, Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang mengguna pakai 1PP hanya untuk pengurusan aset sahaja. Hasil pengauditan yang dijalankan menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.1**, di mana 8 Jabatan/Agensi telah mendapat penarafan tahap cemerlang, satu Jabatan pada tahap baik dan satu Agensi pada tahap tidak memuaskan. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap memuaskan iaitu 3 Bintang atau tahap kurang memuaskan iaitu 2 Bintang. Bilangan Jabatan/Agensi yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 8 Jabatan/Agensi berbanding 4 Jabatan/Agensi pada tahun 2014.

Carta 5.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Semakan Audit di 7 Jabatan mendapati secara umumnya 3 kawalan iaitu Kawalan Bajet, Perbelanjaan dan Perolehan adalah pada tahap cemerlang. Enam Jabatan telah mencapai tahap cemerlang bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit manakala satu lagi Jabatan berada pada tahap baik. Bagi Kawalan Pengurusan dan Terimaan, 5 Jabatan berada pada tahap cemerlang manakala 2 Jabatan berada pada tahap baik. Sementara bagi Pengurusan Kenderaan, 5 Jabatan berada pada tahap cemerlang, satu jabatan pada tahap memuaskan dan satu lagi jabatan pada tahap tidak memuaskan. Selain itu, bagi Pengurusan Aset Dan Stor pula, 5 Jabatan berada pada tahap cemerlang, satu jabatan berada pada tahap baik dan satu lagi jabatan pada tahap memuaskan. Kedudukan tahap pencapaian adalah seperti di **Carta 5.2**. Bagaimanapun, tindakan sewajarnya telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan.
- b. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:
 - i. Tidak membincangkan kesemua agenda yang ditetapkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK).

- ii. Resit terimaan mel tidak dikeluarkan pada hari yang sama. Borang KEW.PS-1 tidak disediakan bagi penerimaan barang-barang.
- iii. Kata laluan pegawai digunakan semasa ketiadaan pegawai.
- iv. Borang KEW.PS-1 tidak disediakan bagi penerimaan barang-barang.
- v. Aset tidak didaftarkan mengikut kategori yang ditetapkan.

Carta 5.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi 7 Jabatan Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.2.2. Agensi Negeri

Bagi Agensi Negeri pula, 2 Agensi berada pada tahap cemerlang bagi Kawalan Pengurusan, Bajet, Perbelanjaan, Terimaan dan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Pinjaman Dan Pelaburan, satu Agensi berada pada tahap cemerlang manakala satu lagi Agensi berada pada tahap baik. Sementara bagi Penyata Kewangan pula, satu Agensi berada pada tahap cemerlang dengan 2 lagi Agensi berada pada tahap memuaskan. Perbadanan Bukit Bendera berada pada tahap kurang memuaskan bagi Kawalan Perbelanjaan dan tidak memuaskan bagi kawalan Pengurusan, Bajet, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman. Perbadanan Bukit Bendera tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berkuat kuasa. Kedudukan tahap pencapaian adalah seperti di **Carta 5.3**.

Carta 5.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi 3 Agensi Negeri Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

5.7.3.1. Pada tahun 2015, 10 Jabatan/Agensi Negeri telah dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tempoh 2007 hingga 2015. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dengan markah 96.22% pada tahun 2015. Jabatan yang diaudit berdasarkan pusingan iaitu Jabatan Taman Botani, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang berjaya meningkat daripada tahap baik kepada tahap cemerlang pada tahun 2015. Adalah didapati prestasi Jabatan lain turut meningkat dari segi pemarkahan, sungguhpun masih mengekalkan kedudukan di tahap baik. Kedudukan tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 5.4**.

Carta 5.4
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi
Jabatan/Agensi Tahun 2015 Berbanding Tahun Pengauditan Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3.2. Bagi Jabatan/Agensi Negeri seperti Jabatan Taman Botani, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, pencapaian pada tahun 2015 adalah merupakan usaha gigih yang ditunjukkan oleh Jabatan/Agensi Negeri berkenaan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan. Analisis Audit menunjukkan antara punca peningkatan markah dan tahap pencapaian pengurusan kewangan ialah tindakan pembedahan yang diambil oleh Jabatan/Agensi terhadap aspek kawalan seperti Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Isu-isu seperti surat penurunan kuasa secara bertulis tidak dikeluarkan, bilangan hari berkursus tidak mencukupi, pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan pembayaran tidak menggunakan pesanan kerajaan bagi urusan perolehan telah dapat diatasi sepenuhnya. Selain itu, dari segi pengurusan aset pula, penyelenggaraan Buku Log, penyediaan Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor,

pengeluaran barang-barang stor, kawalan pergerakan aset serta verifikasi stor telah diambil tindakan.

5.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

5.8.1. Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan dan baucar bayaran bagi memastikan ianya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Pemeriksaan Audit Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2015 Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 13 buah Jabatan/Pejabat.

5.8.2. Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang dijalankan mendapati 1 Jabatan iaitu Badan Kawal Selia Air telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang disemak. Bagaimanapun, 12 Jabatan/Pejabat lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui di 12 Jabatan/Pejabat tersebut adalah seperti di **Jadual 5.4**.

5.8.3. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Maklum balas yang diterima menunjukkan Ketua Jabatan/Pejabat berkenaan telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan.

Jadual 5.4
Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1.	Pejabat Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Utara, Kepala Batas	<ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat kutipan yang tidak dikeluarkan resit. ii. Tiada bukti semakan dibuat ke atas cetakan di slip bank/penyata pemungut. iii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam peti wang tunai di dalam kabinet besi yang tidak berpaling. iv. Daftar setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. v. Kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja tanpa surat kuasa oleh Ketua Jabatan. vi. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali. vii. Pemeriksaan Mengejut hanya dilaksanakan terhadap setem tetapi tidak dibuat terhadap peti besi dan kaunter kutipan. viii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.
2.	Pejabat Tadbir Agama Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Kad akses tiada pada pegawai yang diberi kuasa. ii. Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti tidak dibatalkan. iii. Stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
3.	Pejabat Agama Butterworth	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. ii. Daftar setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan. iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali. iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.
4.	Jabatan Kerja Raya, Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan Ketua Jabatan terhadap semua terimaan dan pengeluaran setem pos/mesin frangki. ii. Buku Vot Bulanan bagi Vot Mengurus dan Vot Pembangunan tidak disemak setiap bulan.
5.	Jabatan Kerja Raya, Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran Panjar Wang Runcit tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan. ii. Borang Pegawai-pegawai Yang Diberi Kuasa Di Bawah AP 101 Bagi Menandatangani Baucar yang disediakan tidak menetapkan had kuasa berbelanja. iii. Buku Vot tidak disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia. iv. Tiada pengesahan semakan Ketua Jabatan ke atas Buku Daftar Mesin Frangki.
6.	Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Penemuan Audit
7.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan hasil tidak direkodkan dengan segera ke dalam Buku Tunai. ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.
8.	Jabatan Veterinar,Seberang Perai Selatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi Perbendaharaan bagi tahun 2015 belum diterima. ii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. iii. Semua stok resit rasmi, lesen, borang akuan terima lain yang belum digunakan dan kutipan yang tidak sempat dibankkan hanya disimpan dalam almari besi berkunci. iv. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang berharga kerana mempunyai masalah nombor kombinasi. v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
9.	Dewan Sri Pinang	<ul style="list-style-type: none"> i. Wang kutipan hasil lewat dibankkan. ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Surat kuasa membatalkan resit tidak disediakan bagi pegawai yang membatalkan resit. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali. v. Peti besi digunakan untuk tujuan persendirian.
10.	Pejabat Rancangan Perumahan Taman Free School	<ul style="list-style-type: none"> i. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan. ii. Kod kombinasi peti besi/bilik kebal hanya dipegang oleh seorang pegawai sahaja.
11.	Institut Integriti Negeri Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan barang-barang berharga tetapi hanya menyimpan fail dokumen. ii. Tiada surat kuasa dikeluarkan kepada pegawai yang memegang kunci peti besi. iii. Baucar bayaran tidak dikepilkan dengan dokumen sokongan. iv. Bil yang diterima tidak dicap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran.
12.	Pejabat Renjer Hutan, Seberang Perai Selatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Borang Hasil (Kew.67) tidak diselenggara. ii. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga. iii. Kod kombinasi dan anak kunci dipegang oleh seorang pegawai tanpa surat kuasa dari Ketua Jabatan. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan dalam tempoh 6 bulan. v. Surat penurunan kuasa tidak dikemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

5.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

5.9.2. Mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja pegawai bawahan.

5.9.3. Menyelia dengan lebih rapi tugas pegawai bawahan yang terlibat dengan urusan kewangan dan memastikan bimbingan dan latihan yang sewajarnya diberikan kepada mereka.

5.9.4. Kelemahan dalam pengurusan aset dan stor perlu diberi perhatian yang lebih serius.

5.9.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

21 Mac 2016

